

KERANGKA DAN MEKANISMA PENENTUAN KOS SEBENAR KE ATAS PRODUK KEWANGAN ISLAM

Oleh Prof Madya Dr Azman Mohd Noor, Syahnazrin bin Hashim, Muhamad Nasir
bin Haron.

Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh, Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemasyarakatan
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Email: azmann@iium.edu.my

Abstrak

Kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan isu pelaksanaan kos sebenar yang berkaitan dengan produk-produk kewangan Islam. Secara umumnya, tidak terdapat sebarang isu Shariah pada penetapan sesuatu kadar keuntungan untuk pembiayaan secara Islam. Walaubagaimanapun, isu Shariah ditimbulkan apabila bank-bank Islam memperolehi pendapatan hasil daripada caj ke atas kos yang dikaitkan dengan pemberian hutang, denda di atas kelewatan pembayaran hutang dan kemungkiran pembayaran oleh pelanggan. Dalam hal ini, kebanyakan fuqaha hanya membenarkan pengenaan kos sebenar sahaja (actual cost /al-taklif al-fi'liyyah) apabila ia dikaitkan dengan hutang. Kertas kerja ini akan membincangkan mengenai manfaat -manfaat daripada hutang, sebab-sebab kepada pelaksanaan kos sebenar dan cara penetapan kos sebenar bagi produk-produk yang berkaitan .

Pendahuluan

Secara asasnya para fuqaha membenarkan untuk memaksimumkan keuntungan melalui harga jualan atau upah ke atas khidmat yang ditawarkan. Sebagaimana diketahui umum, perbankan Islam adalah merupakan alternatif kepada perbankan konvensional yang berteraskan riba. Perbankan Islam menggunakan akad -aqad yang dibenarkan oleh Syara' seperti jual beli, upah ke atas khidmat yang ditawarkan (*al-ujrah ala al-'amal*), sewaan dan lain lain untuk mendapatkan keuntungan. Di samping itu, bank-bank Islam juga memperolehi keuntungan melalui upah perkhidmatan seperti kiriman wang ke luar negara (remittance), perbankan melalui internet, dan lain -lain lagi yang tidak ada berunsurkan penindasan dan riba. Akan tetapi terdapat beberapa perkara yang menimbulkan isu Syariah yang berkaitan dengan upah atau caj yang dikenakan ke atas khidmat-khidmat yang berkaitan dengan pemberian hutang (qard) ataupun denda dan caj-caj yang dikenakan disebabkan kelewatan pembayaran hutang ataupun kemungkiran pembayaran. Sebagaimana makluman, kertas kerja ini tidak akan

membincangkan isu “*pricing*”¹ atau penetapan harga jualan dan keuntungan sesuatu produk, tetapi hanya menghadkan skop kajian kepada isu penetapan kos sebenar yang berkaitan dengan hutang dan tidak dikira sebagai keuntungan kepada bank.

1. Definisi

Maksud “*taklifah*” atau kos dari segi perakaunan membawa maksud suatu kadar perbelanjaan yang ditanggung oleh pengeluar sesuatu barang (produk) untuk mendapatkan suatu produk yang mempunyai nilai ekonomi samada berbentuk barang dagangan atau perkhidmatan, pada masa kini atau pada masa akan datang.²

Dalam konteks kos yang berkaitan dengan hutang, AAOIFI mendefinisikan bahawa kos sebenar merujuk kepada kos secara langsung yang tidak membawa kepada tambahan yang boleh ditafsirkan sebagai faedah (riba).³

Sebagai rumusan, tidak terdapat satu takrif khas bagi *taklifah fi'iliyyah* atau kos sebenar (actual cost) kerana ia adalah subjektif bergantung kepada situasi keberhutangan dan spesifikasi sesuatu produk tertentu .

2. Manfaat Hutang

Konsep manfaat atau kepentingan (benefit) di dalam berhutang adalah sangat relevan dengan topik yang dibincangkan. Topik yang dibincangkan dalam kertas kerja ini iaitu penetapan kos sebenar adalah berkait rapat dengan konsep manfaat yang diharamkan di dalam pinjaman.

Manfaat dalam pinjaman boleh dibahagikan kepada tiga kategori:

1. Manfaat hanya untuk pemberi pinjaman.
2. Manfaat hanya untuk peminjam.
3. Manfaat yang dikongsi bersama oleh pemberi pinjaman dan peminjam.

Manfaat dalam pinjaman terbahagi kepada:⁴

Pertama: Manfaat Hanya Untuk Pemberi Pinjaman.

Sekiranya manfaat tersebut adalah semata-mata untuk pemberi pinjaman, maka ia adalah dilarang oleh syarak dengan syarat syarat berikut:

1. Manfaat tersebut mestilah suatu lebihan atau tambahan dan bukan nilai pokok.

¹ Berkenaan dengan isu *pricing*, sila lihat “An Islamic Pricing Benchmark”. Isra Research Paper no.17/2010.

² Khalil ‘Awwad Abu Hashish, *Mahasib al-Takalif Qiyas wa Tahlil*, Edisi 1, (2005: Dar al-Wa’il), ms. 242.

³ AAOIFI standard 19, al-Qard, 9/1, pg.271

⁴ Al-Umrani, *Al-Manfa`ah fi Al-Qardh*, h. 374.

2. Manfaat tersebut mestilah semata-mata untuk pemberi pinjaman sahaja, dan tiada sebarang manfaat terhadap peminjam, selain daripada nilai pinjaman (pokok/prinsipal).
3. Manfaat tersebut disyaratkan oleh pemberi pinjaman ke atas peminjam, samada secara bertulis sewaktu proses pinjaman, atau ia berjalan mengikut adat kebiasaan.

Manfaat yang khusus kepada pemberi hutang adalah haram berdasarkan:

Pertama: Ijmak

Para ulama' berijmak bahawa sekiranya pemberi pinjaman mensyaratkan kepada peminjam untuk sesuatu hadiah atau tambahan, maka dia telah memberikan pinjaman tersebut dengan mengambil tambahan adalah merupakan suatu riba.

(أجمعوا على أن المسلف إذا اشترط على المستسلف هدية أو زيادة، فأسلف على ذلك أن أخذ الزيادة ربا).⁵

Juga disebutkan dalam kitab *Al-Istizkar* oleh Ibn Abd Al-Barr:

(وكل زيادة من عين أو منفعة يشترطها المسلف على المستسلف فهي ربا لا خلاف في ذلك)

“Dan setiap tambahan daripada sesuatu barangan atau manfaat yang disyaratkan oleh pemberi pinjaman ke atas peminjam, maka ia adalah riba yang tiada percanggahan padanya.”⁶

Kata Ibn Abd al-Barr lagi:

(وكل زيادة في سلف أو منفعة ينتفع بها المسلف فهي ربا، ولو كانت قبضة من علف، وذلك حرام إن كان بشرط.)

“Dan setiap tambahan dalam pinjaman atau manfaat yang diperoleh oleh pemberi pinjaman, maka ia adalah riba, walaupun hanya segenggam makanan haiwan ternakan, ia adalah haram sekiranya disyaratkan.”⁷

Juga disebutkan dalam *Al-Jami' li Ahkam A-Qur'an*:

(أجمع المسلمون نقلاً عن نبيهم صلى الله عليه وسلم أن اشتراط الزيادة في السلف ربا ولو كان قبضة من علف.)

⁵ Ibn al-Munzir, *Al-Ijmak*, h. 120-121.

⁶ Ibn Abd al-Bar, *Al-Istizkar*, 21/45.

⁷ Ibn Abd al-Bar, *Al-Kafi Fi Fiqh Ahl Al-Madinah*, h. 359.

“ Umat Islam telah ber`ijmak berdasarkan apa yang diambil daripada Nabi SAW bahawa mensyaratkan sebarang tambahan dalam pinjaman adalah riba, walaupun hanya seenggam makanan haiwan ternakan.”⁸

Kedua: Dalil-dalil Quran atas pengharaman riba.

Al-Shatibi telah mengisyaratkan bahawa `illah dalam pengharaman riba adalah kerana suatu tambahan tanpa sebarang asas pertukaran (*'iwad*)⁹. Contoh yang paling jelas ialah pinjaman yang mendatangkan suatu manfaat. Bagi Arab Jahiliyyah, mereka menganggap jual beli sama dengan riba. Pada hakikatnya, pada jual beli ada pertukaran timbal balas yang menguntungkan kedua-dua penjual dan pembeli. Di sebaliknya tidak ada timbal balas dalam riba kecuali penangguhan masa dibalas dengan tambahan bayaran hutang.

Allah berfirman menggambarkan salah-faham Arab Jahiliyyah:

((إنما البيع مثل الربا))

“Bahawasanya jual beli adalah seumpama riba...” (Surah Al-Baqarah: 275)

Salah faham tersebut dijawab dengan arahan menghentikan aktiviti riba untuk mengelakkan penindasan.

((وإن تبتم فلکم رؤوس أموالکم لا تظلمون ولا تظلمون))

“Jika kamu bertaubat, maka bagi kamu modal kamu, maka tidak menzalimi dan dizalimi.” (Surah Al-Baqarah: 279)

((وربا الجاهلية موضوع وأول ربا أضعه ربا العباس بن عبد المطلب فإنه موضوع كله))

Nabi SAW bersabda, “Riba jahiliyyah adalah dihapuskan, dan riba yang pertamanya yang dihapuskan adalah riba Abbas bin Abd Mutalib, maka ia kesemuanya telah dihapuskan.” (Riwayat Muslim)

Hadis di atas menunjukkan bahawa larangan riba berkait rapat dengan tambahan bayaran yang tidak disandari oleh sebarang pertukaran. Sebarang tambahan yang merupakan intipati riba dihapuskan (*maudu'*). Ini juga merangkumi pinjaman yang mendatangkan manfaat kepada pemiutang kerana ia adalah tambahan tanpa melibatkan pertukaran.¹⁰

Al-Imam al-Kasani menegaskan:

⁸ Al-Qurtubi, *Al-Jami' li Ahkam Al-Qur'an*, 3/157-158.

⁹ Al-Shatibi, *al-Muwafaqat*, 4/29-30

¹⁰ Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat*, 4/29-30.

(ولأن الزيادة المشروطة تشبه الربا، لأنها فضل لا يقابله عوض، والتحرز عن حقيقة الربا وعن شبهة الربا واجب).

Maksud: “Oleh kerana tambahan (bayaran hutang) yang disyaratkan adalah menyerupai riba, kerana ia adalah suatu lebihan yang tidak ditimbalkan dengan suatu pulangan, dan mengelakkan daripada hakikat riba dan syubhat riba adalah suatu yang wajib.”¹¹

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa setiap tambahan itu bukanlah semuanya dianggap riba, namun riba adalah suatu tambahan khas yang tidak ditimbalkan dengan suatu pulangan seperti yang dijelaskan daripada definisi-definisi yang sebelum ini.

Syarat yang kedua, manfaat tersebut mestilah semata-mata untuk pemberi pinjaman, dan tidak dibalaskan dengan sebarang manfaat daripada peminjam selain daripada pinjaman (prinsipal), maka ia adalah yang dimaksudkan dalam sebuah *athar* dan juga kaedah fiqh:

(كل قرض جر نفعاً فهو ربا)

“Setiap pinjaman yang menghasilkan suatu manfaat adalah merupakan riba.”

Ia membawa makna larangan yang terdapat dalam hadis Anas bin Malik RA bahawa Nabi SAW bersabda:

(إذا أقرض أحدكم قرضاً فأهدى إليه أو حملة على الدابة فلا يركبها ولا يقبله، إلا أن يكون جرى بينه وبينه قبل ذلك)

“Jika salah seorang daripada kalian memberikan sesuatu pinjaman, lalu dia diberi hadiah atau ditawarkan menaiki kenderaan (peminjam), maka janganlah dia menaikinya dan janganlah menerimanya, kecuali hal itu sudah menjadi kebiasaan sebelumnya.” (Riwayat Muslim)

Disebutkan dalam Al-Zhakhirah:

“Disyaratkan dalam setiap pinjaman bahawa ia tidak menghasilkan suatu manfaat kepada pemberi pinjaman.”¹²

Antara gambaran yang mudah ialah sekiranya seorang peminjam berjual-beli dengan pemberi pinjamannya, oleh kerana ada pinjaman, sesuatu yang nilainya bersamaan RM 1000 dijual kepada pemiutang dengan harga RM 500. Inilah adalah pinjaman yang menghasilkan manfaat.”¹³ Dalam kontek perbankan sekarang, pendeposit yang menyimpan duit di dalam akaun yang berdasarkan qardh seperti kebanyakan akaun semasa akan mendapat diskaun pada kadar keuntungan yang jauh lebih rendah di dalam pembiayaan berbanding dengan pelanggan biasa.

¹¹ Al-Kasani, *Bada'ie' Al-Sona'ie'*, 7/395.

¹² Al-Qarafi, *Al-Zhakhirah*, 5/289.

¹³ Ibn Taimiyyah, *Majmu' Fatawa*, 29/533, 30/84.

Syarat yang ketiga, manfaat yang disyaratkan oleh pemberi pinjaman kepada peminjam mestilah samada secara bertulis atau ia berlaku berdasarkan kebiasaan bagi perkara tersebut.

Walaupun, manfaat yang tidak disyaratkan oleh pemberi pinjaman sewaktu dilakukan pembayaran adalah dibolehkan, kerana ia termasuk dalam bab berbuat baik dalam menunaikan hutang, sebagaimana yang ditunjukkan oleh hadis Abu Rafi' RA:

(أن رسول الله استسلف من رجل بكرًا فقدمت عليه إبل من إبل الصدقة فأمر أبا رافع أن يقضي الرجل بكره فرجع إليه أبو رافع قال: لم أجد فيها إلا خيارًا ربا عيا. فقال: أعطه إياه إن خيار الناس أحسنهم قضاءً.)

Maksud: Bahawa Rasulullah (SAW) meminjam daripada seorang lelaki seekor unta muda, setelah tiba unta sedekah, baginda menyuruh Abu Rafi' membayar kepada lelaki itu unta mudanya, lalu Abu Rafi' kembali dan berkata: "Aku tidak dapati kecuali unta yang lebih baik." Maka baginda menjawab: "Berikanlah padanya kerana sebaik-baik manusia adalah yang yang membayar hutang dengan kadar yang lebih baik." (Riwayat Muslim)

Di dalam hadith lain sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah di dalam Sahih Muslim¹⁴:

(استقرض رسول الله سنا فأعطاه سنا فوقه، وقال: خياركم محاسنكم قضاءً)

Maksud:

"Rasulullah (SAW) meminjam seekor binatang yang berumur sekian-sekian, lalu kemudian baginda membayar (kepada pemiliknya) dengan binatang yang berumur atas sedikit daripada umur asalnya, lalu Baginda berkata, "Sebaik-baik kamu adalah yang paling pemurah ketika membayar hutang."

Al-Imam Al-'Aini dalam 'Umdah Al-Qari menyatakan bahawa hadith tersebut menunjukkan sekiranya peminjam membayar balik sesuatu yang lebih daripada jenis, ukuran atau timbangan asalnya, dan perkara itu diketahui pada waktu bayar balik oleh seseorang pemberi pinjaman, maka dibolehkan baginya untuk mengambilnya kerana Nabi SAW memuji mereka yang berbuat baik sewaktu menjelaskan hutang".¹⁵

Al-Nawawi menerangkan dalam Sharh Sahih Muslim, "hadith ini menggalakkan bagi sesiapa yang berhutang supaya membayar balik hutang tersebut dengan yang lebih baik, maka ia adalah daripada sunnah dan akhlak yang terpuji, dan ia bukanlah suatu pinjaman yang menghasilkan manfaat yang diharamkan. Manfaat ini adalah haram sekiranya disyarat di dalam kontrak pinjaman."¹⁶

¹⁴ Sahih Muslim, Kitab al-Musaqat, hadith no 1601.

¹⁵ Al-'Aini, Umdat al-Qari, 10/132.

“فيه ما يدل على أن المقرض إذا أعطاه المستقرض أفضل مما اقترضه جنسًا أو كميلاً أو وزنًا أن ذلك معروف وأنه يطيب له أخذه منه لأنه أتى فيه على من أحسن القضاء وأطلق ذلك ولم يقيدته.”

¹⁶ Al-Nawawi, Sharh Al-Nawawi 'Ala Sahih Muslim, 11/52.

Secara umumnya tidak ada ijmak pada pengharaman manfaat yang tidak disyaratkan, tetapi ijmak hanya pada manfaat yang disyaratkan di dalam kontrak pinjaman.¹⁷

Kedua: Manfaat Hanya Kepada Peminjam.

Sekiranya manfaat tersebut semata-mata untuk peminjam, maka ia diharuskan. Ini berlawanan dengan manfaat yang diharamkan.

Disebutkan di dalam kitab `Aqd Al-Jawahir oleh Ibnu Shash:

(متى تمحضت المنفعة للمقترض جاز)

Maksud: “Bilamana manfaat itu semata-mata untuk peminjam, maka ia diharuskan.”¹⁸

Al-Kharshi pula menyebutkan:

(ولا بد من تمحض المنفعة للمقترض على المشهور).

“Manfaat dari pinjaman mestilah (berpihak) kepada peminjam sahaja menurut (pandangan) yang masyhur.”¹⁹

Keadaan Ketiga: Manfaat yang Dikongsi Bersama antara peminjam dan pemberi pinjam.

Sekiranya manfaat dikongsi bersama antara peminjam dan pemberi pinjaman, maka dalam keadaan ini, pada setiap kali peminjam mendapat manfaat yang lebih besar, maka ia lebih dekat kepada dibolehkan.

Di atara dalil kepada pandangan ini ialah *athar* `Ata' di mana Abdullah bin Zubair RA pernah mengambil hutang beberapa keping wang perak daripada penduduk Makkah, kemudian beliau menulis kepada mereka untuk mendapatkan bayaran balik hutang mereka daripada saudaranya Mus`ab bin al-Zubair di Iraq, lalu mereka menerima bayaran hutang tadi daripada Mus`ab di Iraq. Ibnu Abbas ditanya berkenaan dengan perkara tersebut. Beliau tidak menganggap ia sebagai satu kesalahan. Lalu ditanyakan kepada beliau, “Bagaimana pula sekiranya mereka menerima wang perak yang lebih baik”? Beliau berkata, “Tidak mengapa, jika mereka mengambil pada kadar timbangan wang perak mereka.” Ini juga pandangan Sayyidina Ali bin Abi Talib, Ibnu Sirin, dan Al-Nakha'ie.²⁰

Sheikhul Islam Ibnu Taimiyah berkata:

“ وفيها أن يستحب لمن عليه دين من قرض وغيره أن يرد أجود من الدين عليه وهذا من السنة ومكارم الأخلاق وليس هو من قرض جر منفعة فإنه منهى عنه لأن المنهي عنه ما كان مشروطاً في عقد القرض.”

¹⁷ Al-Imrani, *Al-Manfa`ah fil Qardh*, h. 380.

¹⁸ Ibn Shash, *`Aqd al-Jawahir*, 2/566.

¹⁹ *Sharh Al-Kharshi `Ala Mukhtasar Khalil*, 5/231.

²⁰ Ibn Qudamah, *Al-Mughni*, 6/437.

(والصحيح الجواز، لأن المقرض رأى النفع بأمن خطر الطريق في نقل دراهمه إلى ذلك البلد، وقد انتفع المقرض أيضاً بالوفاء في ذلك وأمن خطر الطريق، فكلاهما منتفع بهذه الاقتراض والشارع لا ينهى عما ينفعهم ويصلحهم وإنما ينهى عما يضرهم.)

“Pendapat yang benar adalah ianya dibolehkan; ini kerana pemberi pinjaman melihat manfaat dari segi keamanan daripada sebarang bahaya dalam perjalanan sewaktu memindahkan wang-wang perak ke negeri itu. Peminjam pula mendapat manfaat dengan membuat bayaran hutang di negeri tersebut dan keamanan perjalanan; maka kedua-dua peminjam dan pemberi pinjaman masing-masing mendapat manfaat akad hutang tersebut. Allah tidak melarang sesuatu yang memberi manfaat dan kebaikan kepada mereka, bahkan Dia melarang sesuatu yang memudaratkan mereka.”²¹

Sheikh Abdullah bin Al-Mani’ di dalam kajian berkenaan dengan emas berpendapat bahawa manfaat yang dikongsi bersama antara kedua-duanya (pemberi pinjaman dan peminjam), di mana kedua-duanya saling membantu, maka ia termasuk dalam perbuatan saling membantu dan berkongsi.”²²

Justeru boleh dirumuskan bahawa sesuatu manfaat sekiranya dikongsi bersama oleh kedua-dua pihak pemiutang dan peminjam tanpa memudaratkan maka ia dibolehkan, dimana kedua-duanya mendapat manfaat. Sekiranya manfaat itu bagi kedua-dua pihak, dan manfaat bagi peminjam adalah lebih besar, maka ia dibenarkan, berbeza pula sekiranya manfaat itu bagi kedua-dua pihak namun manfaat bagi pemberi pinjaman adalah lebih besar, maka ia tidak dibenarkan, kerana kadar tambahan tersebut daripada kedua-dua manfaat yang diterima adalah semata-mata untuk pemberi pinjaman, dan tidak dibalas dengan sebarang pertukaran selain pinjaman, maka ia adalah diharamkan.²³

3: Kerangka Peruntukan “Kos Sebenar”

Secara umumnya pengenalan kos sebenar dibenarkan oleh kebanyakan fuqaha pada manfaat yang dilarang dalam pinjaman, penangguhan bayaran dalam jual beli tangguh bayaran, berkumpunya akad “*bay’ wa salaf*” iaitu jual beli dan pinjaman, dan perbelanjaan mudarib dalam mudharabah.²⁴

Di antara sebab utama perlu menggunakan kaedah kos sebenar ialah untuk mengelakkan pemberi pinjaman atau pemiutang mengambil manfaat daripada peminjam dengan menamakan yuran, upah, komisyen, ganti rugi, kos pentadbiran dan lain-lain sebagai balasan kepada perkhidmatan pinjaman yang ditawarkan. Ini kerana ia adalah riba yang diharamkan oleh Syarak.

²¹ Ibn Taimiyyah, *Majmu’ Al-Fatawa*, 29/531.

²² *Buhuth fil Iqtisod Al-Islami, Bahath Fi Ba’dh Khasa’is wa Ahkamih*, no. 331.

“فإن المنفعة مشتركة بينهما المقرض والمقترض وهما متعاونان فهي من جنس المعاونة والمشاركة.”

²³ Al-Umrani, *Al-Manfa’ah fil-Qardh*, h. 340.

²⁴ Muhammad bin Walid bin Abd Al-Latif al-Suwaidan, *al-Taklifah al-Fiiliyyah fi al-masarif al-Islamiyyah*, Dar al-Nafais, Jordan, 2011, ms. 49.

Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan bahawa pihak bank perlu menanggung beberapa kos dalam menawarkan perkhidmatan perbankan kepada pelanggannya. Dalam hal ini, kebiasaannya pihak bank perlu menyediakan para pekerja pakar bagi perkhidmatan perbankan, sistem IT, sijil-sijil, fail-fail, dan seumpamanya. Ia adalah merupakan bayaran terhadap perkhidmatan dan pekerjaan yang dilakukan bagi tujuan pinjaman. Dalam kontek ini, ia dianggap sebagai *Ijarah 'ala al-'amal*. Ia berbeza dengan riba yang dikenakan sebagai ganjaran kepada pinjaman wang. Cuma, perlu diperhalusi upah ke atas khidmat pembiayaan dan pinjaman yang dibolehkan dan yang tidak dibenarkan.

4. Kos Perbelanjaan ke Atas Pinjaman

Kebanyakan ulama' fiqh bersetuju bahawa perbelanjaan bagi dokumentasi pinjaman adalah perlu ditanggung oleh pemohon pinjaman. Ini adalah berdasarkan firman Allah SWT:

((فليكتب وليملل الذي عليه الحق وليتق الله ربه ولا يبخس منه شيئاً))

“Dan hendaklah orang yang berhutang itu mencatatkan (isi surat hutang itu dengan jelas).” (Surah Al-Baqarah: 282)

Mereka juga berpandangan bahawa segala perbelanjaan-perbelanjaan bagi tujuan penyerahan dan pembayaran dalam kontrak pinjaman adalah perlu ditanggung oleh pihak peminjam.²⁵

Disebut di dalam Al-Sharh Al-Kabir;

(فمن أقرض إردبًا مثلاً فأجرة كيله على المقرض وإذا رده فأجرة كيله عليه بلا نزاع)

Bermaksud: “Sesiapa yang meminjam satu *irdib* (sukatan), sebagai contoh, maka upah sukatan tersebut ditanggung oleh peminjam, dan ketika membayar balik, kos menyukat juga ditanggung oleh peminjam tanpa khilaf.”²⁶

Disebut juga di dalam Al-Sharh Al-Saghir:

لا يلزم رب القرض أن يأخذ بغير محله لما فيه من الكلفة عليه إلا الذهب والفضة فيلزمه أخذها لخفتها.

Bermaksud: “Tidak diwajibkan bagi pemberi pinjaman untuk mengambil balik bayaran bukan pada tempatnya, kerana ia akan melibatkan kos, kecuali emas dan perak (matawang), di mana dia mesti menerima bayaran yang sama (di mana mana) kerana keringannya (tidak melibatkan kos)”²⁷

Disebutkan juga dalam Nihayah Al-Muhtaj:

²⁵ Al-Umrani, *Al-Uqud Al-Maliyah Al-Murakkabah*, h. 362.

²⁶ *Hashiyah Al-Dusuqi*, 3/145. Irdib adalah sukatan yang besar menyamai 24 gantang Nabawi

²⁷ *Al-Sharh Al-Saghir*, 2/106.

(لو ظفر المقرض المقترض في غير محل الإقراض، وللنقل مؤنة ولم يتحملها المقرض طال به بقيمة بلد الإقراض يوم المطالبة، لما فيه من الكلفة)

Maksud: “Sekiranya pemberi pinjam menerima bayaran pinjaman daripada peminjam di tempat lain (daripada tempat berhutang), dan ia melibatkan kos yang tidak tertanggung oleh pemberi pinjaman, dia boleh meminta (peminjam) menanggung kos negeri tempat berhutang pada hari bayaran kerana ia melibatkan kos.”²⁸

Boleh dirumuskan di sini, segala kos bekalan untuk menguruskan dan perbelanjaan pinjaman adalah ditanggung oleh peminjam, kerana khidmat dan kos perbelanjaan tersebut adalah bertujuan menyempurnakan penyerahan pinjaman tersebut.²⁹

5. Bolehkah Bank Mengenakan Yuran atau Sebarang Upah ke Atas Pemberian Pinjaman/ Pembiayaan

Senario pembiayaan di sesetengah institusi kewangan Islam, tidak semua jumlah pembiayaan akan diterima oleh pelanggan. Sebagai contoh, seorang pelanggan yang memohon pembiayaan peribadi sebanyak RM 100,000 tetapi akan hanya menerima RM 96 000 sahaja. Sebanyak RM 4000 akan dipotong sebagai kos, berbagai yuran yang dikenakan. Dalam hal ini, penasihat penasihat Syariah di institusi kewangan perlu membuat penelitian bagi setiap jenis caj yang dikenakan.

Kebanyakan ulama kontemporari membolehkan pihak bank mengambil kos perbelanjaan peminjaman tersebut, dengan syarat ia mestilah pada kadar kos sebenar. Ia adalah pandangan daripada Akademi Fiqh Islam Antarabangsa di Jeddah, dan juga merupakan fatwa oleh Lajnah Da’imah Saudi, juga pandangan Jawatankuasa Syariah AAOIFI.

Resolusi Akademi Fiqh Islam Antarabangsa OIC bernombor 13:1/3 menyebutkan,

(أ) بخصوص أجور خدمات القرض في البنك الإسلامي للتمية: أولاً: يجوز أخذ أجور خدمات القروض على أن يكون ذلك في حدود النفقات الفعلية. ثانياً: كل زيادة على الخدمات الفعلية محرمة لأنها من الربا المحرم شرعاً.

Maksud: “Berkenaan upah perkhidmatan pinjaman di Bank Pembangunan Islam: (i) Boleh mengambil upah ke atas perkhidmatan pinjaman dengan syarat ia pada had kos perbelanjaan sebenar; (ii) Setiap tambahan ke atas perkhidmatan sebenar adalah haram, kerana ia termasuk dalam riba yang diharamkan oleh syarak.”³⁰

Manakala dalam fatwa *Lajnah Da’imah* Saudi berkaitan pengambilan suatu yuran terhadap pinjaman yang ditawarkan oleh Tabung Pembangunan Perindustrian, disebutkan:

²⁸ *Nihayah Al-Muhtaj*, 4/229.

²⁹ *Al-Umulat Al-Masrafiyyah*, h. 105.

³⁰ *Majallah Majma’ Al-Fiqh Al-Islami Al-Dawli*, bil. 3, j. 1/305.

(إذا قدر أهل النظر والخبرة ما يقوم به الخبراء الفنيون من متاعب الدراسات الفنية والمالية لمصلحة المشروع فالصندوق التتمية السعودي أن يتقاضى الأجر المنفق مقابل هذه الدراسات أو جزء منه، وإن تركه الصندوق مساعدة لصاحب المشروع فهو أولى.)

Bermaksud: “Apabila dianggarkan oleh para ahli yang berpengalaman apa yang dilakukan oleh tenaga pakar yang berpengalaman kajian dan semakan dari segi operasi dan kewangan untuk kemaslahatan projek, maka Tabung Pembangunan Saudi berhak mengambil upah terhadap kajian tersebut atau sebahagian daripadanya, namun sekiranya pihak Tabung meninggalkannya sebagai bentuk bantuan kepada pemilik projek, maka ia adalah lebih baik.”³¹

Di dalam piawaian Pinjaman yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah AAOIFI, disebutkan:

“يجوز للمؤسسة المقرضة أن تأخذ على خدمات القروض ما يعادل مصروفاته الفعلية المباشرة ولا يجوز لها أخذ زيادة عليها وكل زيادة على المصروفات الفعلية محرمة.”

Maksudnya: “Dibolehkan untuk institusi pemberi pinjaman untuk mengambil upah di atas perkhidmatan pinjaman yang ditawarkan suatu jumlah yang bersamaan dengan perbelanjaan langsung yang sebenar, dan tidak boleh baginya mengambil tambahan daripadanya, kerana setiap tambahan ke atas perbelanjaan sebenar itu adalah diharamkan.”³²

Di antara dalil yang menyokong pandangan ini:

Pertama: Firman Allah: “ما على المحسنين من سبيل” (Surah Al-Tawbah: 91)

Ayat ini merupakan suatu kaedah kulliyah dalam kontrak yang dijalankan atas dasar ihsan dan kebajikan, dan ia menunjukkan bahawa tidak sepatutnya bagi orang yang berbuat kebajikan itu diikuti dengan suatu mudarat dalam jalan kebajikannya, dan tiada keraguan bahawa tidak dikira kos-kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pihak bank dalam laluan untuk menawarkan pembiayaan itu, padanya terdapat kerugian bagi pihak bank, dan kemudaratan baginya.³³

Dengan kata lain yang dilarang adalah mengambil keuntungan di sebalik penawaran pinjaman tersebut, adapun perkhidmatan perbelanjaan sebenar bagi pinjaman maka ia tidaklah dilarang.³⁴

Kedua: Hadis Nabi SAW:

“الظهر يركب بنفقته إذا كان مرهونا ولين الدر يشرب بنفقته إذا كان مرهونا وعلى الذي يركب ويشرب النفقة.”
(Riwayat Al-Bukhari)

³¹ Fatawa Al-Lajnah Al-Da’imah lil-Buhuth Al-Ilmiyyah wal-Ifta’, 13/415.

³² Al-Ma`ayir Al-Shar`iyyah AAOIFI, h. 325.

³³ Hashiyah Al-Dusuqi, 4/235.

³⁴ Al-`Umulat Al-Masrafiyyah, h. 107.

Hadith ini menunjukkan bahawa pemberi pinjam tidak boleh mengambil sebarang manfaat daripada peminjam, sedangkan Nabi SAW membolehkan untuk mengambil manfaat daripada barang gadaian terhadap perbelanjaannya, dan perbelanjaan yang berhak mendapat upah daripadanya, sepertimana penggadaai berhak mendapat upah perbelanjaan ke atas barang gadaian, dan itu adalah dimaksudkan dengan ‘dengan tanggungannya dan minuman susunya’.³⁵

Namun, majoriti ulama’ melarang daripada penerima gadaian mengambil manfaat daripada sesuatu gadaian sekiranya gadaian adalah dikira sebagai pinjaman dan bukan jual beli, kerana dikhuatiri berlakunya riba.³⁶

Ketiga: Daripada kaedah fiqh, “*Al-Ghunmu bi al-Ghurm*” dan “*Al-Kharaj bi al-Dhaman*”.³⁷

Kedua-dua kaedah tersebut menunjukkan bahawa sesiapa yang berlakunya sesuatu pekerjaan dan perbelanjaan kerananya, maka pihak tersebut perlu menanggung perbelanjaan tersebut dan membayar sebagai balasan terhadap pekerjaan tersebut, maka itu adalah kandungan kaedah persamaan dalam menunaikan kewajipan yang ditentukan padanya supaya setiap pihak yang berkewajipan perlu menanggung sesuatu yang bersamaan dengan tanggungjawab yang ditanggung oleh pihak lain tanpa memperkayakan suatu pihak ke atas pihak yang lain, atau mendapatkan haknya dengan mengurangkan usahanya, dan mengurangkan harta yang dibelanjakan disebabkan, dan mencapai keinginannya. Juga antara yang diketahui pihak bank mengorbankan usaha dan harta bagi tujuan untuk pembayaran pinjaman, maka baginya hak untuk mendapatkan apa yang dibelanjakannya diatas pinjaman tersebut.³⁸

Boleh disimpulkan di sini, bank boleh mengenakan sesetengah yuran seperti yuran guaman, pendaftaran, dan yang berkait secara langsung dengan pembiayaan. Tetapi pihak bank tidak patut mengenakan yuran pembiayaan ataupun apa apa yuran pada keadaan biasa tanpa alasan yang kukuh kerana bank sudah memperoleh keuntungan daripada *mark up price* atau *profit margin*.

6. Hukum Mengenakan Bayaran Ganti Rugi ke Atas Kelewatan Pembayaran Hutang

Pandangan Pertama: Sheikh Ali Al-Khafif³⁹, Muhammad al-Buti⁴⁰, Taqi Uthmani⁴¹, Wahbah Al-Zuhayli⁴², Nazih Hammad⁴³, Ali Salus⁴⁴, Muhammad Usman Syibir⁴⁵,

³⁵ *Al-Umulat Al-Masrafiyyah*, h. 108.

³⁶ Ibnu Abidin, *Rad al-Muhtar*, 6/482, Sharh Al-Kharshi, 5/249-250, *Fathul Wahhab*, 1/192, *Hashiyah Al-Rawdh Al-Murbi*, 5/90.

³⁷ *Al-Ashbah wal-Nazha'ir*, h. 255.

³⁸ *Al-Umulat Al-Masrafiyyah*, h. 109.

³⁹ Al-Khafif, Ali Khafif, *al-Dhaman fi al-Fiqh al-Islami*, Cairo: Dar al Fikr al Arabi, 1997, hlm 19.

berpandangan bahawa tidak harus mengenakan tawidh ke atas pemiutang sekiranya melewatkan bayaran hutang seperti yang dipersetujui. Ini juga merupakan pendapat Majma Fiqh Islam⁴⁶.

Justifikasi kepada keputusan di atas adalah bersandarkan kepada dalil seperti berikut;

1-Dalil Quran:

⁴⁷((وأحل الله البيع وحرم الربا))

Penjelasan dalil bahawa ta`widh adalah satu jenis daripada riba yang dilarang iaitu riba jahiliyyah.

⁴⁸((وإن تبتم فلکم رؤوس أموالکم لا تظلمو ولا تظلمون))

Sesungguhnya Allah melarang manusia daripada mengambil riba dan bertransaksi dengan urusan riba. Ayat di atas menyebut bahawa pemiutang berhak mengambil jumlah pokok/principal sahaja daripada hutang mereka, tidak ada lebih. Dengan itum dalam konteks ini adalah dilarang bagi penghutang mengambil tawidh daripada pihak yang berhutang disebabkan kelewatan membayar hutangnya.

2-Secara Logik

Syariat Islam melarang orang yang mampu membayar bagi melewatkan bayaran hutangnya, dalam hal ini sekiranya pemiutang lambat membayar hutangnya maka pihak penghutang boleh membawa perkara tersebut ke pengadilan untuk menunaikan hutangnya atau menghukum pengasingan (penjara), takzir atau menjual barangnya untuk menunaikan hutangnya di mana fuqaha melarang mengenakan tawidh dengan harta kerana ia merupakan jenis *riba muharram*.⁴⁹

Pandangan Kedua: Mengikut Persidangan ketiga Dallah Barakah⁵⁰ dan Majlis Penasihat Syariah, Islamic Bank of Jordan⁵¹. Mustafa az-Zarqa⁵², Muhammad Siddiq

⁴⁰ Al-Buti, Muhammad Ramadhan, Muhadarat fi al fiqh Muqaran, p2, Damsyik : Dar al Fikr, 1981,hlm 148.

⁴¹ Uthmani, Taqi, *Buhuth fi Qadhaya Fiqhiyyah Muasirah*, p2, Damsyik :Dar al Qalam, 2003,hlm 40.

⁴² Al-Zuhayli, *Wahbah, Al-Muamalat al Maliyyah al Muasirah*, 2002, hlm 179.

⁴³ Hammad, Nazih, penerbitan artikel “*al-Muayyadat al-Syar`iah li haml al madin al mumathol ala alwafa*” Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j,no1, hlm 107.

⁴⁴ Al-Salus, Ali al-Salus, artikel diterbitkan “*Al-Bay` bil taqsit nazarat fi al Tatbiq al-Amali*”, Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami, no6, hlm 164.

⁴⁵ Syibir, Usman, artikel diterbitkan “*al-Siyannah al-Madyunat wa Mua`lijatuha min al-Ta`asur fi al-Fiqh al-Islami*” Majallah al-Syariah wa al Qanun, Jami`ah al-Imarat, 1998, no10, hlm 55.

⁴⁶ Qararat Majma` al-Fiqh al-islami, al-Daurah ke 11, Qarar no (8).

⁴⁷ Al-Baqarah: 275.

⁴⁸ Al-Baqarah: 279.

⁴⁹ Syibir, Usman, artikel diterbitkan “*al-Siyannah al-Madyunat wa Mua`lijatuha min al-Ta`asur fi al-Fiqh al-Islami*” Majallah al-Syariah wa al Qanun, Jami`ah al-Imarat, 1998, no10, hlm 55.

⁵⁰ Qararat wa Tawsiyat Nadwah al Barakah li iqtisod al-Islami, no (2/3), hlm 55.

⁵¹ Fatawa Majlis Penasihat Syariah, Islamic Bank of Jordan, Fatwa no (45), hlm 1003.

al-Darir⁵³, Sheikh Abdullah Mani⁵⁴. berpandangan bahawa adalah harus untuk mengenakan tawidh ke atas pemiutang sekiranya melewati bayaran hutang seperti yang dipersetujui.

Justifikasi di atas keputusan di atas adalah bersandarkan kepada dalil seperti berikut;

1-Dalil Quran:

⁵⁵((يا أيها الذين آمنوا أوفوا بالعقود))

Menunaikan tanggungjawab sebagai pembayar hutang adalah dituntut dan wajib dilaksanakan oleh pemiutang dan tidak harus ke atas pemiutang menghalang penghutang memanfaatkan hutang dengan cara melambatkan pembayaran.⁵⁶

⁵⁷((والذين هم لأماناتهم وعهدهم راعون))

Hak menunaikan hutang adalah amanah dan wajib ditunaikan dan pemiutang adalah bertanggungjawab ke atas amanah membayar hutang kepada penghutang.⁵⁸

⁵⁹((ولا تأكلوا أموالكم بينكم بالباطل..))

Ini termasuk dalam kategori mengambil hak/makan harta orang lain secara batil kerana mengikut jumbuh ulama makan harta orang lain tidak hanya pada zat harta tersebut sahaja bahkan sekiranya menghalang pemilik hutang memanfaatkan hartanya pada masa yang dijanjikan dengan cara melambatkan pembayaran hutang.⁶⁰

2) Hadith

"ما رواه ابن عباس رضي الله عنهما قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "لا ضرر ولا ضرار"⁶¹

Hadith ini menunjukkan bahawa keharusan mengenakan ta`widh ke atas penyebab kepada kemudharatan atau kerugian bertepatan dengan kaedah fiqh "الضرر يزال" di mana kemudharatan boleh dihilangkan dengan mengenakan ta`widh.⁶²

⁵² Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan " *Hal yuqbal Syar`an al-Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*" Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 105.

⁵³ Al-Darir, al-Siddiq, artikel diterbitkan " *al-ittifaq `ala ilzam al-madin al-Musir bi al- ta`widh darar al-Mumatholah*, Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j3,no1, hlm 118.

⁵⁴ Al-Mani`, Abdullah, artikel diterbitkan" *Matlu al-ghaniyy zulm yahillu irduhu wa uqubatuhu*" Majallah Majma` al-Fiqhi, kali ke 2, no2, hlm 104.

⁵⁵ Al-Maidah:1

⁵⁶ Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan " *Hal yuqbal Syar`an al-Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*" Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 105.

⁵⁷ Al-Mukminun:80

⁵⁸ Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan " *Hal yuqbal Syar`an Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*" Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 106.

⁵⁹ Al-Baqarah :188

⁶⁰ Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan " *Hal yuqbal Syar`an Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*" Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 106.

⁶¹

"ما رواه عمرو بن الشريد عن ابيه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "لي الواجد يحل عرضه وعقوبته"
63"

"ما رواه أبو هريرة رضي الله عنه قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم " مثل الغني ظلم"⁶⁴

Hadith ini menunjukkan bahawa keharusan mengenakan ta`widh ke atas pembayar yang mampu tetapi melewati pembayaran hutang yang mana dianggap zalim dan berhak dikenakan hukuman tertentu seperti ta`widh. kepada kemudharatan atau kerugian bertepatan dengan kaedah fiqh "الضرر يزال" di mana kemudharatan boleh dihilangkan dengan mengenakan ta`widh.⁶⁵

3) Qiyas

Penangguhan / kelewatan (debtor) menunaikan hak apabila berjanji adalah boleh disamakan atau diqiyaskan dengan *al-ghasb* (merampas hak) kerana keduanya adalah bersamaan sifatnya apabila seseorang itu merampas hak seseorang yang lain apabila mampu membayarnya kerana menghalang penghutang daripada manfaah hutang tersebut dan dianggap sebagai perbuatan zalim sebagaimana dinyatakan dalam hadith. Ini boleh diqiyaskan kepada contoh pemegang amanah wadiah sekiranya menegah pemilik harta wadiah daripada mengambil kembali hartanya dianggap sebagai perampas hak dan boleh dikenakan ganti rugi. Mengikut mazhab Syafie dan Hanbali manfaah harta bernilai adalah dilihat pada maksud sesuatu harta begitu juga boleh diqiyaskan kepada maksud kepada manfaah harta yang dirampas terletak pada harta yang dirampas yang mana manfaah hutang yang ditangguhkan pembayaran oleh pembayar yang mampu, boleh dikenakan ganti rugi.⁶⁶

4) Secara Logik

Asas Syariah di dalam pelaksanaan hukum dan penjagaan maqasid adalah tiada persamaan diantara orang yang benar dengan orang yang penipu, tiada juga persamaan diantara orang yang adil dengan orang yang zalim, dan juga tiada persamaan diantara orang yang menunaikan hak/perjanjian apabila berjanji dengan orang yang tidak menunaikan dan melewati perjanjian tersebut. Terdapat dalil-dalil atau nas-nas daripada Quran dan Sunnah berkenaan perkara tersebut. Maka dalam hal ini tidak ada persamaan kerana pembayar yang mampu tetapi melambatkan

⁶² Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan " *Hal yuqbal Syar`an Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*" Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 107.

⁶³ Sahih al-Bukhari, Kitab al-Istiqradh, Bab Matlu al-Ghaniyy Zulm, no (2400),j3, hlm 118.

⁶⁴ Sahih al-Bukhari, Kitab al-Istiqradh, Bab Matlu al-Ghaniyy Zulm, no (2400),j3, hlm 185.

⁶⁵ Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan " *Hal yuqbal Syar`an al-Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*" Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 107. Al-Mani`, Abdullah, artikel diterbitkan " *Matlu al-ghaniyy zulm yahillu irduhu wa uqubatuhu*" Majallah Majma` al-Fiqhi, kali ke 2, no2, hlm 95.

⁶⁶ Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan " *Hal yuqbal Syar`an al-Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*" Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 108-109. Al-Mawardi, *al-Hawi al-Kabir*, 1994, j7, hlm 160, al-Zarkashi, Muhammad ibn Abdullah, *Sharh al-Zarkashi `ala Mukhtasar al-Khirqi*, p1, Riyadh: Dar al-Abikan,j3, hlm 171.

pembayaran hutang dikira sebagai zalim kerana menghalang penghutang daripada memanfaatkan hutangnya.⁶⁷

7. Pembayaran Ganti Rugi Terhadap Kos Sebenar Hutang

Ulama Kontemporari seperti Sheikh Zaki Sha`ban⁶⁸, Muhammad Zaki Abd Al Bar⁶⁹, Muhammad al-Tabtabaie⁷⁰, berpandangan bahawa pembayaran ganti rugi hutang hendaklah dengan kadar kos sebenar kerugian.

Mereka bersandarkan kepada Hadith Rasulullah (saw), sekiranya pemiutang yang mampu membayar hutang (*matlu ghani*) tetapi sengaja melambatkan pembayaran hutang adalah dianggap sebagai satu perbuatan yang zalim dan diharamkan ke atas pelakunya *عرضه وعقوبته* dan kalimah *عقوبته* dalam hadith adalah mutlak yang boleh membawa maksud kepada hukuman penjara (*الحبس*). Secara tidak langsung, ini juga boleh dilihat dari segi ketidak seriusan dalam menunaikan sesuatu kewajipan membayar hutang dan ini boleh dijadikan sebagai dalil untuk membenarkan pengenaan bayaran ganti rugi berdasarkan kos sebenar terhadap pemiutang yang sengaja melambatkan pembayaran hutang.⁷¹

Secara umumnya, Syariah tidak membenarkan penghutang mengambil kadar hutang Qardh yang dipinjamkan, tetapi adalah diharuskan ke atas pemiutang untuk menanggung kos perkhidmatan atas urusan pinjaman Qardh. Ini adalah berdasarkan kepada ayat al-Quran seperti ;

72((وليمل الذي عليه الحق))

Pandangan ini adalah dibenarkan oleh Majma` Fiqh Islam Al-Duwali Jeddah, AAOFI dan beberapa badan fatwa lain.⁷³

Tetapi persoalan di sini adalah adalah institusi kewangan Islam boleh mengambil kos perkhidmatan berdasarkan kos secara langsung ataupun kos tidak secara langsung?

⁶⁷ Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan “ *Hal yuqbal Syar`an al-Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*” Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no2, hlm 110.

⁶⁸ Sheikh Zaki Sha`ban, Published article “ *Ta`liq ala bahs hal yuqbal syar`an al hukm ala al-madin al-mumathal bi at ta`widh ala al-dain*”, Majallah abhas al-iqtisad al-Islami, j2, bil 2,p217.

⁶⁹ Muhammad Zaki, published article “ *Matlu al-madin hal yulzim bi al ta`widh*”, Majallah abhas al-iqtisad al-Islami,1990 , j2, bil 1,p170.

⁷⁰ Muhammad al-Tabtabaie, paper on topic of “*Mabda` al-Ta`widh wa al-gharamah al-maliyyah fi muwajihah mumatholah al-duyun fi al-mali al-islami*” Nadwah al-alamiyah li ulama` al-Syariah, 2006, p8.

⁷¹ Sheikh Zaki Sha`ban, Published article “ *Ta`liq ala bahs hal yuqbal syar`an al hukm ala al-madin al-mumathal bi at ta`widh ala al-dain*”, Majallah abhas al-iqtisad al-Islami, j2, bil 2,p217.

⁷² Al-Baqarah : 282

⁷³ Qararat Majma` Fiqh Islami Jeddah, persidangan ke 3, Qarar no 13. AAOIFI, 2010m, Standard Syariah, p271.

AAOIFI⁷⁴ dan Majlis Fatwa al-Rajhi⁷⁵ berpandangan bahawa institusi kewangan Islam hanya boleh mengambil kos perbelanjaan secara langsung sahaja dalam kes pinjaman Qardh.

Mereka berpandangan bahawa kos perkhidmatan dalam urusan penyediaan Qardh adalah dibenarkan berdasarkan kadar kos sebenar yang ditanggung oleh pihak kewangan Islam. Dalam hal ini, segala kos perkhidmatan yang dikenakan sekiranya melebihi kos perkhidmatan sebenar adalah dianggap sebagai riba dan secara tidak langsung menggalakkan kepada riba. Kos perkhidmatan yang melebihi kos perkhidmatan sebenar yang dimaksudkan di sini adalah kos perkhidmatan secara tidak langsung seperti gaji pekerja, kos sewa pejabat. Justeru, kos perkhidmatan yang dibenarkan mengikut pandangan mereka adalah hanya kos perkhidmatan sebenar iaitu kos perkhidmatan secara langsung yang berkaitan dengan produk.⁷⁶

Tetapi, Majlis Penasihat Syariah Bank Dubai Islamic⁷⁷ pula berpendapat bahawa adalah harus bagi sesebuah institusi kewangan Islam untuk mengambil kadar caj perkhidmatan Qardh yang merangkumi kos sebenar sama ada kos secara langsung dan kos secara tidak langsung.

Ini kerana pihak kewangan Islam menanggung kos sebenar sama ada secara langsung ataupun secara tidak langsung dalam perkhidmatan Qardh. Sekalipun kos secara tidak langsung adalah secara umumnya seperti sewa pejabat, kos pengangkutan dan gaji pekerja namun ia masih memberi kesan kepada pihak kewangan Islam. Dalam hal ini, dibenarkan pengiraan caj perkhidmatan merangkumi kos secara langsung dan secara tidak langsung.

Namun dalam kes ganti rugi yang perlu dikenakan ke atas peminjam yang mampu tetapi sengaja tidak membayar hutang, pendekatan yang boleh digunakan adalah mungkin pengenaan caj kerugian sebenar yang merangkumi kos secara langsung dan secara tidak langsung. Ini kerana kos secara langsung sahaja tidak mampu menampung kerugian kerana proses menjejaki peminjam tersebut juga merangkumi perbelanjaan secara tidak langsung seperti pengangkutan, perhubungan yang terpaksa ditanggung oleh pihak kewangan Islam sepanjang tempoh pembayaran hutang tidak dibuat.

8. Pembayaran Ganti Rugi Berdasarkan Kehilangan Peluang Keuntungan (Opportunity Loss)

⁷⁴ AAOIFI, 2010m, Standard Shariah, p271.

⁷⁵ Qararat Majlis Penasihat Syariah al-Rajhi Bank, 2010, 2:1027, qarar no 669.

⁷⁶ AAOIFI, 2010m, Standard Shariah, p271. Qararat Majlis Penasihat Syariah al-Rajhi Bank, 2010, 2:1027, qarar no 669.

⁷⁷ Fatawa Majlis Penasihat Syariah Dubai Islamic Bank, fatwa no (343), 2: 836.

Opportunity Loss- Peluang memperoleh keuntungan yang terlepas disebabkan oleh pilihan yang lain. Perkara ini tidak melibatkan kos perbelanjaan yang sebenar tetapi lebih kepada perbandingan kepada catatan keuntungan pada pembiayaan yang lain.⁷⁸

Antara ulama-ulama kontemporari yang membenarkan perkara di atas adalah Syeikh Mustafa al-Zarqa⁷⁹, Syeikh Sadiq Darir⁸⁰, Syeikh Abdullah ibn Mani`⁸¹, Dr Abdul Aziz Qassar⁸² yang mana mereka membenarkan untuk mengenakan kadar ganti rugi dengan kadar *opportunity cost* kepada pembayar hutang yang mampu tetapi sengaja melambatkan bayaran.

Mereka bersandarkan kepada dalil bahawa melambatkan hak untuk membayar hutang sepertimana tempoh yang dipersetujui adalah menghalang pemilik hutang untuk mengambil manfaat daripada bayaran hutangnya yang dikira sebagai perbuatan yang zalim, satu perbuatan yang jahat kerana menyerupai merampas hak pemilik hutang tersebut maka boleh mengambil tindakan ke atasnya seperti mengenakan bayaran ganti rugi berasaskan "*opportunity cost*" kepada pemiutang. Ini adalah seperti pendapat mazhab Syafii dan Hanbali yang mengiktiraf bahawa manfaah harta tersebut terkandung pada zat harta tersebut kerana tujuan utama adalah harta tersebut, begitu juga jika manfaah harta yang dirampas terkandung pada zat harta yang dirampas dan perlu ditanggung oleh perampas harta. Dalam kes melambatkan bayaran hutang oleh orang yang berhutang *mumatil* yang mampu, maka wajib dikenakan bayaran ganti rugi bagi pemiutang tersebut.⁸³

Dalam hal ini, sekiranya pemiutang (*dain*) menerima bayaran hutangnya tepat pada tempoh yang dipersetujui, dan beliau melaburkan dalam pelaburan yang berasaskan syarak seperti *mudharabah*, *muzara'ah* dan sebagainya untuk mendapatkan keuntungan tertentu dengan cara berniaga, maka bayaran ganti rugi yang perlu dibayar oleh al madin (penghutang) yang melambatkan bayaran tanpa sebab munasabah atau keuzuran hendaklah berasaskan kadar "*opportunity cost*" yang sepatutnya tanpa perlu merujuk kepada kadar bunga dalam perbankan.⁸⁴

⁷⁸ Mutawi` al-Said, published article on the topic of "*al Tatawur al-Tarikhi Li nuzumi Muhasabah Takalif*", 2009, Jamiah al-Azhar, Kuliyyah al-Tijarah, Qasm Muhasabah, p8.

⁷⁹ Al-Zarqa, published article, "*Hal yuqbal syar`an al-hukm ala al madin al-mumathol bi al-ta`widh ala da`in*", *Majallah abhas Iqtisad al-Islami*", j2, bil2, p111.

⁸⁰ Al-Darir, published article "*al-infaq ala ilzam al-madin al-musar bita`widhi darar al-mumatholah*", *Majallah abhas Iqtisad al-Islami*", j3, bil 1, p117.

⁸¹ Al-Mani`, published article," *Matlu al-ghaniy zulm yahillu irdihi wa uqubatihi*", *Majallah Majma al-Fiqhi*, tahun ke 2, bil 2, p 96.

⁸² Al-Qassar, published article "*Matlu al-Ghaniy Zulm*", *Majallah al-Syariah wa al-Qanun fi Qahirah*, 2001, bil 24, p76.

⁸³ Al-Zarqa, published article, "*Hal yuqbal syar`an al-hukm ala al madin al-mumathol bi al-ta`widh ala da`in*", *Majallah abhas Iqtisad al-Islami*", j2, bil2, p108-109. Al-Mawardi, *al-Hawi Kabir*, 1994, j7, p 160, *Sharh al-Zarkashi `ala Mukhtasar al-khiryqy*, Riyadh, Dar al-Ubaikan, ms:4/171.

⁸⁴ Al-Zarqa, published article, "*Hal yuqbal syar`an al-hukm ala al madin al-mumathol bi al-ta`widh ala da`in*", *Majallah abhas Iqtisad al-Islami*", j2, bil2, p112.

Pendapat ini boleh disangkal kerana ia boleh dikategorikan sebagai *qiyas ma`a al-fariq*, kerana manfaah harta daripada hartanah dan asset mudah alih adalah pada zatnya dan harus untuk mengambil ganti rugi ke atasnya. Tetapi dalam hal hutang duit ia tidak termasuk dalam kategori manfaah pada zatnya kerana ia akan berubah nilai dan musnah dengan perubahan tempat dan masa dan sekaligus mengqiyaskan hutang kepada manfaah pada zatnya adalah dikira sebagai qiyas yang bertentangan yang dilarang penggunaannya dalam mengisntinbatkan sesuatu hukum.⁸⁵

Hujah seterusnya ialah bahawa bank tidak akan menggunakan semua dana untuk pembiayaan. Pelaburan dipelbagaikan melalui instrumen-instrumen dan produk produk pasaran modal dan *money market* yang patuh Shariah. Pulangan keuntungan daripada aset-aset pelaburan tadi tidak sama. Bagaimanakah pihak bank menentukan tuntutan bayaran pampasan berdasarkan peluang keuntungan yang berbeza.

Seterusnya, membenarkan gantirugi berdasarkan peluang keuntungan adalah mirip kepada riba yang dikenakan dengan bayaran yang lebih kerana penangguhan. Ini terbukti apabila ada sesetengah bank mengambil kesempatan untuk mengenakan kos “*opportunity loss*” di dalam produk kewangan mereka.

9. Panduan Pengenaan Pampasan Bayaran Lewat Mengikut Guidelines on Late Payment Charges, BNM⁸⁶

Cara 1: Kombinasi Denda Bayaran Lewat

Institusi kewangan Islam boleh mengenakan kombinasi denda lewat bayar mengandungi *ta`widh* dan *gharamah* sehingga satu kadar yang ditentukan. Kadar maksimum kombinasi denda bayaran lewat boleh dikenakan oleh institusi kewangan dan memperolehi kelulusan BNM.

Cara 2: Ta`widh

Institusi kewangan boleh mengenakan denda pada kadar kerugian sebenar yang disebabkan oleh penangguhan dalam pembayaran dan kegagalan daripada pelanggan (pemiutang).

Institusi kewangan dibenarkan mengenakan tawidh sehingga kadar sama dengan kerugian sebenar yang ditanggung oleh pihak institusi kewangan Islam bergantung kepada kombinasi kadar purata tertentu.

⁸⁵ Sheikh Zaki Sha`ban, Published article “*Ta`liq ala bahs hal yuqbal syar`an al hukm ala al-madin al-mumathal bi at ta`widh ala al-dain*”, Majallah abhas al-iqtisad al-Islami, j2, bil 2,p218. Nazih Hammad, published article “*al-Muaddiyat al-syar`iyyah li hamli al-madin al-mumathol ala al-wafa*” Majallah abhas Iqtisad al-Islami”, j3, bil1, p109.

⁸⁶ Guidelines on Late Payment Charges for Islamic Banking Institutions

Bank juga dibenarkan mengenakan penalti lewat bayaran sebanyak 1% sementara di dalam tempoh pembiayaan, manakala selepas tempoh pembiayaan, boleh dikenakan denda berdasarkan harga pulangan IIMM (Islamic Interbank Money Market).

Cara 3: Gharamah

Gharamah mestilah disalurkan kepada badan-badan kebajikan yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah di institusi- institusi kewangan.

Gharamah (perbezaan di antara kombinasi kadar dan ta'widh) bermaksud untuk mendidik kepada golongan yang tidak membayar hutang disebabkan kelewatan dalam pembayaran atau kegagalan hutang. MPS BNM tidak membenarkan gharamah dianggap sebagai punca pendapatan untuk institusi kewangan dan semua hasil gharamah mestilah disalurkan kepada badan-badan kebajikan dan sekiranya institusi kewangan merekodkan gharamah sebagai punca pendapatan, ini akan dikira sebagai tidak patuh Syariah.

10. Resolusi dan Fatwa Akademi-Akademi Fiqh dan Badan-Badan Jawatankuasa Penasihat Syariah Berkaitan Isu Pelaksanaan Kadar Kos Sebenar

Berikut dibentangkan beberapa fatwa dan resolusi syariah terkemuka berkaitan topik 'kos sebenar'.

Pertama: Resolusi Akademi Fiqh Islam Antarabangsa Jeddah

	<i>No. Resolusi</i>	<i>Tarikh Resolusi</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Teks Parameter Syariah</i>
1	1: 13/3	1407H/1986M	Pertanyaan Bank Pembangunan Islam (IDB) ⁸⁷	<p>Pertama: <i>Dibolehkan mengambil upah dari perkhidmatan pinjaman dengan syarat pada had perbelanjaan sebenar (actual expenses).</i></p> <p>Kedua: <i>Setiap tambahan atas perkhidmatan sebenar (actual services) adalah diharamkan kerana ia termasuk dalam riba yang diharamkan oleh Syarak."</i></p>

⁸⁷ Majalah Akademi Fiqh Islam Antarabangsa, (Bil. 3, Jil. 1, Hal. 305).

2	12: 12/2	1406H/1985M	Surat Jaminan (Letter of Guarantee) ⁸⁸	<p>“ <i>Perbelanjaan pengurusan bagi mengeluarkan surat jaminan dan jenis-jenisnya adalah dibolehkan menurut Syarak, dengan mengambil kira tiada caj tambahan ke atas kadar upah menurut harga pasaran (ujr al-mithl); dan pada keadaan bercagaran penuh atau sebahagian, dibolehkan bagi pihak bank untuk mengambil kira kos sebenar bagi mengeluarkan surat jaminan tersebut</i>”</p>
3	108: 2/12	1421H/2000M	Kad Kredit ⁸⁹	<p>“Kedua: <i>Dibolehkan mengeluarkan kad (kredit) tidak bercagar sekiranya tidak mengandungi syarat tambahan riba ke atas prinsipal hutang. -Dibolehkan bagi pengeluar untuk mengenakan yuran tetap berdasarkan kos yang sebenar ketika pengeluaran dan pembaharuan sesuai dengan kadar perkhidmatan yang ditawarkan.</i>”</p> <p>Ketiga: <i>Pengeluaran tunai daripada pemegang kad adalah bermaksud melakukan pinjaman dari pengeluaranya, dan tiada halangan menurut syarak sekiranya tidak membawa kepada tambahan riba, dan tidak dikira sebahagian daripada yuran tetap yang tidak juga diikat dengan jumlah pinjaman atau tempoh terhadap perkhidmatan itu. Setiap tambahan ke atas perkhidmatan sebenar adalah diharamkan, kerana ia termasuk dalam riba yang</i></p>

⁸⁸ Majalah Akademi Fiqh Islam, (Bil. 2, Jil. 2, Hal. 1035).

⁸⁹ Majalah Akademi Fiqh Islam, (Bil. 12, Jil. 3, Hal. 459).

				diharamkan oleh syarak, seperti yang diputuskan oleh Al-Majma' dalam Resolusinya bernombor 102 (10/4) dan 13 (1/3).”
--	--	--	--	--

Kedua: Jawatankuasa Syariah AAOIFI

	<i>No. Piawaian</i>	<i>Tajuk Piawaian</i>	<i>Teks Parameter Syariah</i>
1	2	Kad debit dan kad kredit ⁹⁰	<p>“4/5 <i>Pengeluaran Tunai Dengan Kad:</i></p> <p>i. <i>Dibolehkan bagi pemegang kad untuk mengeluarkan sejumlah wang tunai, samada pada had bakinya atau lebih, dengan persetujuan daripada institusi pengeluar kad, dengan syarat ia tidak membawa kepada faedah riba.</i></p> <p>ii. <i>Dibolehkan bagi institusi pengeluar kad untuk mengenakan yuran dalam bentuk jumlah tetap yang munasabah pada setiap pengeluaran tunai, dan tidak terikat dengan kadar jumlah pengeluaran.</i>”</p>
2	14	Surat Kredit (Letter of Credit) ⁹¹	<p>“3/3 <i>Komisyen dan perbelanjaan dalam surat kredit:</i></p> <p>3/3/1 <i>Dibolehkan bagi sesebuah institusi untuk mengenakan bayaran berdasarkan kos sebenar keatas surat-surat kredit, dan dibolehkan baginya juga untuk mengambil upah ke iatas perkhidmatan yang diminta samada dengan suatu jumlah tetap atau dengan nisbah daripada jumlah kredit tersebut. Ini merangkumi pengeluaran surat kredit dan juga penerimaannya membuat perubahan pada surat kredit, melainkan perubahan yang berkaitan dengan tambahan tempoh kredit, maka tidak dibolehkan baginya untuk mengambil (upah) melainkan pada kos perbelanjaan yang sebenar sahaja dan mestilah dengan suatu jumlah yang tetap</i></p>

⁹⁰ Piawaian Syariah, AAOIFI, (Hal. 15).

⁹¹ Piawaian Syariah, AAOIFI, (Hal. 237).

			<p>dan bukan nisbah peratusan, dengan mengambil kira perkara berikut:</p> <p>i. Tidak boleh diambil aspek jaminan daripada penilaian upah dalam surat kredit. Dengan itu tidak dibolehkan bagi institusi untuk mengambil caj tambahan ke atas perbelanjaan sebenar dalam keadaan peningkatannya (enhancing) untuk kredit yang diberikan oleh bank yang sama atau bank lain. Ini kerana peningkatan kredit sebenarnya adalah tambahan kepada jaminan semata-mata.”</p>
3	19	Pinjaman ⁹²	<p>“9/ Perbelanjaan perkhidmatan pinjaman:</p> <p>9/1 Dibolehkan bagi institusi yang memberi pinjaman untuk mengambil suatu jumlah yang menyamai perbelanjaan langsung yang sebenar daripada perkhidmatan pinjaman tersebut, dan tidak dibolehkan baginya untuk mengambil tambahan daripada kadar tersebut., Setiap tambahan ke atas perbelanjaan sebenar adalah haram. Ia juga mestilah dikira secara tepat dalam menetapkan perbelanjaan kos sebenar di mana ia tidak membawa kepada sebarang tambahan yang boleh ditafsirkan sebagai faedah. Asalnya adalah setiap pinjaman itu ditanggung pada kosnya yang khusus melainkan jika ianya sukar, seperti dalam suatu kumpulan pinjaman yang dikongsi (bercampur), maka tiada halangan untuk menanggung semua kos umum secara langsung daripada setiap pinjaman ke atas jumlahnya secara umum. Kaedah penetapan terperinci mestilah berpegang pada Jawatankuasa Penasihat Syariah bersama pihak Audit, dan ia dilakukan dengan pengagihan perbelanjaan ke atas jumlah pinjaman, dan setiap pinjaman menanggung mengikut nisbahnya, dengan membenteng setiap keadaan ini kepada pihak Jawatankuasa Syariah bersama sandarannya yang bersesuaian.</p> <p>9/2 Tidak termasuk dalam perbelanjaan sebenar</p>

⁹² Piawaian Syariah, AAOIFI, (Hal. 321).

			<p>ke atas perkhidmatan pinjaman segala perbelanjaan yang tidak langsung, seperti gaji pekerja, sewa tempat, perabot kelengkapan, pengangkutan, dan perbelanjaan umum dan pentadbiran yang seumpamanya bagi sesebuah institusi.</p> <p>10/ Di antara aplikasi utama semasa pinjaman :</p> <p>10/3 Yuran pengeluaran tunai dengan menggunakan kad kredit daripada mesin ATM:</p> <p>10/3/1 Yuran yang diambil daripada pengeluaran tunai menggunakan kad pada mesin ATM adalah sebagai upah perkhidmatan, dan ia terpisah daripada pinjaman.</p> <p>10/3/2 Yuran yang dikenakan pada setiap pengeluaran tunai menggunakan kad kredit pada mesin ATM mestilah suatu jumlah tetap dalam had upah menurut harga pasaran (ujrah al-mithl) ke atas perkhidmatan tanpa mengambil keuntungan daripada pinjaman. Tidak dibolehkan untuk mengaitkan yuran dengan jumlah pengeluaran tunai. Tidak dibolehkan juga bagi institusi untuk berhelah dengan meletakkan pembahagian pada setiap pengeluaran untuk berulang-ulang upah. Ia sepertimana tidak dibolehkan mengambil kira masa pembayaran bagi jumlah pengeluaran. Dalam keadaan berbezanya mata wang, disyaratkan mengaplikasikan harga tukaran semasa. Lihat pada Piawaian Syariah No. 2 berkaitan isu kad debit dan kad kredit, pada perkara 4/5.”</p>
4	8	<i>Murabahah li al-Aamir bi al-Shira</i> ⁹³	<p>“2/4 Komisyen dan perbelanjaan:</p> <p>2/4/3 Perbelanjaan dalam penyediaan kontrak-kontrak yang dimeterai di antara institusi dan pelanggan di cawangan sekiranya dipersetujui oleh kedua-dua pihak mestilah adil, iaitu mengikut kadar pekerjaan, dan supaya tidak merangkumi komisen komitmen (commitment fee) atau komisen pembiayaan.</p>

⁹³ Piawaian Syariah, AAOIFI, (Hal. 105).

			<p><i>4/ Pemeteraian kontrak Murabahah:</i></p> <p><i>4/3 Jika bank membeli sesuatu barangan untuk tujuan menjualnya secara Murabahah, maka wajiblah memaklumkan perkara tersebut kepada pelanggan. Pihak bank juga wajib menjelaskan segala perincian perbelanjaan yang terkandung di dalam harga. Perlu juga memasukkan sebarang perbelanjaan yang berkaitan dengan barangan tersebut sekiranya ia diterima oleh pihak pelanggan. Adapun sekiranya perbelanjaan itu tidak diperincikan, maka pihak bank tidak boleh memasukkan melainkan apa yang kebiasaan masyarakat mengambilkiranya termasuk dalam harga kos, seperti belanja pengangkutan, penyimpanan, yuran surat kredit dan premium insurans/takaful.</i></p> <p><i>4/4 Pihak institusi tidak berhak untuk menambah kepada kos barangan melainkan perbelanjaan kewangan langsung yang dibayar kepada pihak lain (third party), maka ia tidak boleh sebagai contoh menambah harga kos kerana gaji pekerja dan yang seumpamanya.</i></p> <p><i>5/ Jaminan-jaminan Murabahah dan penyelesaian hutangnya.</i></p> <p><i>5/10 Dibolehkan persetujuan antara institusi dan pelanggan untuk menunaikan hutang Murabahah li al-Aamir bi al-Shira' dengan mata wang asing yang berlainan daripada mata wang hutang jika ia pada harga tukaran hari pembayaran, dengan syarat pembayaran hutang dilakukan dengan bayaran penuh. ”</i></p>
--	--	--	---

Ketiga: Jawatankuasa Syariah Bank Al-Rajhi Arab Saudi

	<i>No. Resolusi</i>	<i>Tarikh Resolusi</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Teks Parameter Syariah</i>
1	466	1422H	Tambahan	“Dibolehkan bagi syarikat

			<p>Yuran Pengeluaran Tunai Pada Kad Kredit Dari Had Ketetapan Syarikat Antarabangsa</p>	<p><i>(bank al-Rajhi) untuk mengambil yuran tetap daripada operasi pengeluaran dari mesin ATM terhadap penggunaan peralatan dan perkhidmatan yang ditawarkan tersebut, dengan mengambil kira perkara-perkara berikut:</i></p> <p><i>Jumlah yang diambil mestilah suatu kadar tetap (maqtu) pada setiap keadaan pengeluaran. Maka tidak dibenarkan untuk ia berubah dengan berubahnya jumlah pengeluaran, seperti menjadikan ia dalam nisbah peratusan daripada jumlah pengeluaran tunai, sebagai suatu langkah untuk menghalang syubhat riba.</i></p> <p><i>Penilaian upah juga mestilah sesuai dengan perkhidmatan yang ditawarkan. Maka, tidak dibolehkan untuk mengambil kira i kehilangan peluang pelaburan (opportunity lost), kerana ia adalah pengiktibaran ribawi.”</i></p>
2	761	1428H/2007M	<p>Kebenaran “Kontrak Jual-beli Saham Secara Ansuran” dan Penutupan Kontrak Yang Dijazahkan pada Resolusi 703</p>	<p><i>Kontrak mestilah terbina berasaskan kos sebenar pembelian Syarikat (Bank Al-Rajhi) saham-saham sebagai suatu subjek kontrak (subject matter), kerana jual beli disini adalah jual beli Murabahah, dan Murabahah adalah daripada jual beli Amanah.”</i></p>
			.	

3	735	1427H/2006M	Yuran Kad Kredit	<i>Tidak dibenarkan bagi kad kredit untuk mengenakan i yuran ke atas pelanggan sebagai sumber keuntungan atau manfaat kepada Bank. Dengan itu semua jenis yuran mestilah pada kadar jumlah bayaran bank yang sebenar pada harga sepatutnya (adil) daripada jumlah yang telah dibayar (pelanggan) bagi manfaat pelanggan, dan kemaslahatan yang diambil kira tanpa mengambil kira kemaslahatan pihak bank dan manfaatnya atau sebagai sumber keuntungannya atau perlindungan bagi hartanya dalam sesuatu keadaan, kerana tambahan ini adalah riba atau jalan yang membawa kepada riba.”</i>
6	739	1427H/2006M	Melarang Syarikat dari mengambil upah ke atas semakan kredit (<i>credit screening</i>)	<i>Tiada halangan bagi Bank untuk mengenakan kos sebenar bagi tujuan tersebut dengan parameter berikut:</i> <ol style="list-style-type: none"> 1. <i>Mestilah dengan kos sebenar sahaja.</i> 2. <i>Tidak boleh dikesampingkan sebahagian para pelanggan daripada keseluruhan atau sebahagiannya, disebabkan oleh akaun semasa mereka.”</i>

Keempat: Jawatankuasa Syariah Bank Al-Bilad

<i>No. Resolusi</i>	<i>Tarikh Resolusi</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Teks Parameter Syariah</i>
---------------------	------------------------	--------------	-------------------------------

1	16	1426H/2005M	Parameter Kad Kredit	<p><i>“Yuran yang tidak boleh diambil melebihi kos sebenar adalah:</i></p> <p><i>Yuran penerbitan, pembaharuan, kehilangan kad dan kekeluargaan. Termasuk didalamnya kos sebenar yang tetap oleh pusat kad yang dibahagikan kepada bilangan kad-kad yang diterbitkan.</i></p> <p><i>Kos tetap (maqtu’) adalah bermaksud seperti berikut:</i></p> <p><i>Perbelanjaan tahunan bagi infrastruktur pusat kad kredit.</i></p> <p><i>Bayaran gaji pekerja di pusat kad.</i></p> <p><i>Sewa laman web pusat kad.</i></p> <p><i>Yuran tahunan yang tetap oleh organisasi antarabangsa (seperti VISA).</i></p> <p><i>Yuran pengeluaran tunai dari mesin ATM mestilah berdasarkan kos sebenar bagi operasi pengeluaran tunai, dengan syarat yuran tersebut mestilah suatu jumlah yang tetap bagi setiap operasi pengeluaran tunai.”</i></p>
---	----	-------------	----------------------	---

Kelima: Jawatankuasa Syariah Bank Al-Inma’

	<i>No. Resolusi</i>	<i>Tarikh Resolusi</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Teks Parameter Syariah</i>
1	10	1430H/2009M	Surat Jaminan (Bank’s Guarantee)	<p><i>Dibenarkan pengambilan hanya kos-kos sebenar terhadap penerbitan surat jaminan bercagar penuh atau sebahagian atau tidak bercagar, dan ia mestilah suatu jumlah tetap (maqtu) tanpa melihat kepada jumlah jaminan dan tempohnya. Adapun tambahan melebihi kos</i></p>

				<i>sebenarnya, ia masih dalam pemerhatian Jawatankuasa.”</i>
2	14	1430H/2009M	Kebenaran “Kontrak Jual-beli Saham Tempatan Secara Ansuran”	<i>“Perlu dinyatakan kos sebenar pembelian bank saham-saham sebagai subjek dalam kontrak (subject matter). Ini kerana jual beli disini adalah jual beli Murabahah, dan Murabahah itu adalah daripada jual beli Amanah.”</i>
3	16	1430H/2009M	Hukum-hukum & Parameter Syariah Bagi kiriman (remittance) wang antara Bank	<i>“Sekiranya kiriman (remittance) dengan menggunakan kad kredit pelanggan, maka ia terhad untuk yuran tidak melebihi kecuali pada kadar kos sebenar secara langsung bagi perkhidmatan kiriman menggunakan kad kredit.”</i>

Keenam: Jawatankuasa Syariah Kumpulan Dallah Barakah

	<i>Soalan</i>	<i>Jawapan</i>
1	Adakah dibolehkan untuk mengira komisen dari surat kredit berdasarkan tempohnya?	<i>“Tidak dibenarkan menurut syarak untuk mengira komisen penerbitan surat kredit atas asas tempoh pegangannya. Pengiraan komisen hanya dibenarkan sekiranya ia berdasarkan kos usaha yang dikerahkan dan kos yang ditanggung oleh bank sewaktu penerbitan surat kredit. Kajian dan penilaian terhadap situasi kewangan pelanggan yang dilakukan sebelum itu untuk memastikan tahap kesesuaian dan kemampuannya untuk menunaikan kewajipannya, samada dilakukan pengiraannya dengan suatu jumlah tetap atau mengikut jumlah pegangan sekiranya perbezaan jumlah memerlukan kepada usaha yang berbeza-beza disebabkan oleh berbezanya kajian dan kuasa pentadbiran dan lanjutan, maka jumlah itu merupakan suatu anggaran kepada kuantiti usahanya.”⁹⁴</i>

Ketujuh: Seminar Ekonomi Islam Al-Barakah

⁹⁴ *Al-Ajwibah Al-Shar`iyah fi Al-Tatbiqat Al-Masrafiyyah*, jil. 1, Idarat Al-Tatwir wal-Buhuth, Dallah Baraka Group, fatwa no. 3.

	No. Seminar	Teks Parameter Syariah
1	12	<p>“ Menurut prinsip Syarak, tiada halangan untuk menggunakan debit kad bagi pengeluaran tunai dari bank pengeluar atau cawangannya atau bank anggota yang bersetuju dengannya untuk membolehkan pemegang kad untuk melakukan pengeluaran tunai, samada terdapat baki pada bank pengeluar kad atau tidak, dan dipersetujui oleh bank pengeluar untuk mendahulukan kemudahan (pembiayaan) bagi pemegang kad tanpa mengenakan faedah ke atasnya. Samalah juga, tiada halangan menurut Syarak untuk menggunakan kad kredit untuk pengeluaran tunai dari mesin ATM di seluruh dunia. Dbolehkan juga untuk mengambil komisen keatasnya samada untuk kebaikan pihak bank pengeluar kad atau bank-bank anggota yang lain samada komisen itu suatu jumlah tetap atau nisbah peratusan dari suatu jumlah, dengan syarat ia mestilah tidak bertambah kerana overdraf, kerana ia adalah atas asas komisen terhadap kos perkhidmatan sebenar untuk pengeluaran wang, dan tidak ada dengan kadar hutang dan tempoh pembayarannya.”⁹⁵</p>

Kelapan: Jawatankuasa Fatwa & Kawalan Syariah Bank Islam Dubai

	No. Fatwa	Tajuk	Teks Parameter Syariah
1	281	Parameter Komisen Bank pada Surat Jaminan	<p>“Pertama: Komisen atau upah mestilah terhadap perkhidmatan sebenar, dan perkara ini mestilah sama dengan upah yang dikenakan di pasaran (<i>ujr al-mithl</i>) sehingga membolehkan bank untuk bersaing dalam pasaran perkhidmatan ini. Upah ini mestilah adil dan tidak berlebih-lebihan, dan mestilah tidak berbeza jika berbezanya perkhidmatan.”</p>
2	343	Pengeluaran Tunai dan Belian Emas Dengan Kad Visa	<p>“Berkenaan komisen yang dikenakan terhadap suatu perkhidmatan yang diminta oleh pelanggan dan ditawarkan oleh bank, pelanggan mestilah diberitahu tentang upah atau momisyen dan dianggap telah bersetuju pada permohonan untuk mendapatkan kad visa . Ia mestilah tidak melebihi komisen pasaran (<i>al-mithl</i>) pada bank-bank lain. Maka kami berpandangan seperti berikut:</p> <p><i>komisen ini dibolehkan menurut syarak kerana ia dikenakan terhadap perkhidmatan sebenar yang ditawarkan oleh bank kepada para pelanggan.</i></p>

⁹⁵ Fatawa Nadawat Al-Barakah 1403H-1417H, dikumpulkan dan diselaraskan oleh Dr Abd Sattar Abu Ghuddah, Izzuddin Khojah, Dallah Baraka Group, hal. 206.

			<p><i>Sekiranya perkhidmatan ini menyebabkan tambahan kos kepada pihak bank untuk peralatan, kelengkapan dan gaji, disamping perbelanjaan tidak langsung, iaitu bahagiannya daripada perbelanjaan am bank, seperti bangunan, pengangkutan, telekomunikasi, gaji dan selainnya, maka mestilah diagihkan komisen itu dan ditetapkan perbelanjaan langsung dan tidak langsung bagi perkhidmatan ini mengikut kadar manfaat antara kedua-dua benefisiari, iaitu pada kadar atau nisbah manfaat tersebut, bermakna setiap kali bertambahnya jumlah pengeluaran, maka bertambahlah komisen, supaya diberikan keadilan antara kedua-dua benefisiari bagi perkhidmatan ini.</i></p> <p><i>Dari aspek Syariah, mestilah ditentukan kadar komisen dengan suatu jumlah tetap, yang dikenakan keatas setiap yang mengeluarkan sejumlah wang tertentu, kemudian ditambah jumlah tersebut pada setiap kali pertambahan pengeluaran; atau ditetapkan pada nisbah peratusan daripada jumlah pengeluaran dan dikenakan bersama sejumlah tetap seperti had minimum yang dibayar oleh pengeluar. Disyaratkan pada setiap keadaan untuk tidak mengkaitkan jumlah komisen itu dengan masa, dan tiada halangan untuk mengenakan suatu jumlah tetap selagimana sesuai dengan kadar perkhidmatan.</i></p> <p><i>Disyaratkan pada komisen ini, seperti jenis-jenis komisen lain yang diambil oleh bank terhadap perkhidmatan yang berbeza seperti berikut:</i></p> <p><i>Komisen mestilah terhadap perkhidmatan sebenar.</i></p> <p><i>Komisen mestilah tidak melebihi dari upah adil, iaitu upah saksama (ajr al-mithl).</i></p> <p><i>Perlu diterbitkan suatu resolusi atau senarai harga daripada pengurusan bank.</i></p> <p><i>Mestilah mengiklankan resolusi tersebut kepada para pelanggan bank, komisyen komisyen yang jelas bagi setiap perkhidmatan Ia mestilah dipamerkan bagi sesiapa yang ingin melihatnya. Ini kerana penawaran perkhidmatan melibatkan kontrak kerja (ujrah 'ala al-'amal) di mana bank sebagai orang yang menawarkan (mujib) dan pelanggan adalah pihak yang menerima (qabil) terhadap kontrak ini sebagai tanda redha kepadanya dan keredhaan pada</i></p>
--	--	--	--

			<i>sesuatu perkara yang tidak diketahui merupakan sesuatu yang tidak dapat dibayangkan.”</i>
--	--	--	--

Kesembilan: Kuwait Finance House berkenaan Surat Jaminan Bank (BG)

	<i>Soalan</i>	<i>Jawapan</i>
1	<i>“Kami memohon pandangan Syarak daripada tuan berkaitan sejauh mana dibolehkan mengambil upah ke atas penerbitan surat-surat jaminan bank bagi para pelanggan. Sekiranya ia tidak dibolehkan, adakah dibenarkan untuk kami mengeluarkan surat jaminan berdasarkan konsep Wakalah dan kami mengambil upah ke atasnya, bukan berdasarkan jaminan (dhamanah)? Sekiranya dibolehkan, adakah upah tersebut tetap atau nisbah tertentu?”</i>	<i>“Kami tidak mengetahui dikalangan sarjana fiqh Islam yang membenarkan untuk mengambil upah ke atas jaminan, tetapi jika pelanggan mewakili pihak bank dalam menunaikan kepentingannya kepada pihak yang dijamin, maka dibolehkan untuk mengambil upah keatasnya, samada ianya tetap atau dengan suatu nisbah yang diperolehi daripada pihak-pihak yang dijamin, tetapi ia mesti berada pada had upah pasaran (ajr al-mithl), untuk mengelakkan daripada syubhat riba.”⁹⁶</i>

⁹⁶ Al-Fatawa Al-Shar`iyyah fi al-masa`il al-Iqtisadiyyah, fatwa no. 23, Kuwait Finance House; dan lihat juga Fatawa al-khadamat al-masrafiyyah, Dallah Baraka Group, hal. 96.

Analisa Ringkas Terhadap Fatwa-Fatwa dan Resolusi Tersebut

Pertama: Perkara Yang Dipersetujui Di antara Beberapa Fatwa & Resolusi Syariah

	<i>Perkara</i>	<i>Penjelasan Parameter Syariah</i>
	Hutang	Perkhidmatan berdasarkan pinjaman mestilah pada kadar kos sebenar.
		Kos sebenar adalah kos-kos langsung. ⁹⁷
		Tambahan keatas kos sebenar adalah haram.
		Sebab larangan tambahan keatas kos sebenar adalah kerana ia termasuk dalam riba atau jalan membawa kepada riba.
		Tiada tambahan pada upah surat jaminan.
		Nilaian kos surat kredit mestilah pada kadar kos sebenar.
		Jual beli <i>Murabahah</i>
	Bayaran hutang secara pertukaran wang	Mestilah dengan nilai pertukaran matawang pada hari transaksi.

Kedua: Penafsiran Kos Sebenar Menurut Pelbagai Majlis Syariah

	<i>Tafsiran Kos Sebenar</i>	<i>Fatwa/Resolusi</i>
1	Kos yang tidak membawa kepada tambahan yang boleh ditafsirkan sebagai faedah (riba).	Jawatankuasa Syariah AAOIFI

⁹⁷ Parameter ini dipersetujui oleh fatwa-fatwa dan resolusi-resolusi tersebut kecuali fatwa Jawatankuasa Syariah Bank Islam Dubai, dimana dalam fatwa mereka bernombor 342 yang berpendapat bahawa perkhidmatan sebenar merangkumi semua perbelanjaan langsung dan tidak langsung.

2	Mestilah berpegang pada kaedah penetapan terperinci daripada Jawatankuasa Kawalan Syariah dengan diselaraskan bersama pihak Audit.	
3	Perbelanjaan kewangan secara langsung dibayar kepada pihak lain.	
4	Jumlah bayaran sebenar yang dibuat oleh bank pada harga yang sepatutnya (adil) bagi manfaat pelanggan dan kemaslahatannya, tanpa mengambil kira kemaslahatan, manfaat, sumber keuntungan atau perlindungan bagi bank.	Jawatankuasa Syariah Bank Al-Rajhi
5	Kos-kos sebenar: Termasuk didalamnya kos sebenar yang tetap yang diputuskan oleh Jabatan Kad Kredit.	Jawatankuasa Syariah Bank Al-Bilad
6	Pengiraan komisen berlaku atas asas kiraan usaha yang dikerahkan dan kos yang ditanggung oleh bank.	Jawatankuasa Syariah Kumpulan Dallah Al-Barakah
7	Tidak bertambah pada keadaan pengeluaran secara overdraf.	Seminar Ekonomi Islam Al-Barakah (12)
8	Tidak berkait dengan kadar hutang dan tempoh pembayarannya.	
9	Perbelanjaan langsung dan tidak langsung. Perbelanjaan tidak langsung seperti perbelanjaan am bagi bank.	Jawatankuasa Fatwa & Kawalan Syariah Bank Islam Dubai
10	Jumlah komisen mestilah tidak berkait dengan masa.	

11	Jumlah kos mestilah dipaparkan pada papan iklan bagi para pelanggan, untuk mencapai keredhaan dan persetujuan antara kedua-dua pihak yang berkontrak.	
-----------	---	--

Berikut dibentangkan perbandingan antara kaedah pengaplikasian mengikat pulangan dengan kos pada perkhidmatan yang bersandarkan pinjaman.

Ketiga: Perbandingan Pelaksanaa Kos Sebenar Pada Produk Perkhidmatan Perbankan Islam Bersandarkan Pinjaman (Qard)⁹⁸

<i>Kaedah pengikatan pampasan dengan kadar kos sebenar</i>	<i>Cara pelaksanaan</i>	Fatwa/Resolusi						
		Akade mi Fiqh Islam	AAOIFI	Al- Rajhi	Al-Bilad	Al- Inma'	Dubai	Dallah Barakah
Dengan nisbah peratusan	Iaitu nisbah peratusan daripada jumlah yang dipinjam (jumlah pengeluaran)	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Tidak	Ya	Ya
Dengan i jumlah tetap (maqtu')	Iaitu jumlah yang ditentukan dengan kadar kos sebenar		Ya	Ya	Ya	Ya	Ya	Kebaran g-kalian
Jumlah tetap (maqtu')	Iaitu dengan jumlah anggaran berdasarkan		Kebaran g-kalian	Ya				Ya

⁹⁸ Istilah-istilah didalam Jadual, (Ya): Disebutkan secara jelas dalam teks resolusi, (Tidak): Disebutkan secara jelas dalam teks resolusi, (): Tidak disebutkan dalam resolusi, (Kebarangkalian): Maksudnya terkandung dalam resolusi.

		kos sebenar							
		Iaitu had upah yang pasaran (<i>ujrah al-mithl</i>) dari perkhidmatan		Ya				Ya	Ya
		Al-mithl: Tanpa mengambil untung dari pinjaman		Ya	Ya				
		Dengan jumlah tetap namun bertambah mengikut baki pengeluaran		Tidak	Tidak			Ya	
		Jumlah tetap dengan kadar bayaran sebenar bank dengan nilai harga yang adil		Kebarangkalian		Kebarangkalian	Kebarangkalian	Kebarangkalian	Kebarangkalian
		Jumlah tetap dengan upah yang adil, iaitu upah yang sama pada bahagian perbankan yang lain.						Ya	Diam

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Analisa-analisa umum adalah seperti berikut:

1. Dibenarkan penggunaan kos sebenar ke atas perkhidmatan yang bersandarkan pinjaman dan hutang seperti jual beli *Murabahah*.
2. Kos sebenar yang boleh dikenakan secara umumnya adalah kos-kos sebenar secara langsung sahaja.
3. Kebenaran pengenaan kos sebenar bukan bertujuan untuk membuat keuntungan.
4. Sebarang tambahan ke atas kadar kos sebenar adalah diharamkan oleh syarak.
5. Kos sebenar adalah tidak sama seperti riba yang akan sentiasa bertambah.
6. Cara pengiraan kos sebenar adalah berdasarkan perakaunan yang khusus yang perlu diletakkan di bawah penyeliaan Jawatankuasa Penasihat Syariah.

Berkenaan dengan panduan pengiraan kos sebenar adalah seperti berikut:

1. Pengiraan mestilah tidak terikat dengan kadar hutang dan tempoh pembayarannya.
2. Ia mestilah tidak mengandungi manfaat yang hanya berpihak kepada pemberi pinjam (pemiutang), seperti sumber keuntungannya atau perlindungan bagi hartanya dalam tempoh tertentu.
3. Kebanyakan resolusi dan fatwa bertumpu kepada cara penetapan kadar kos sebenar dalam perkhidmatan yang bersandarkan pinjaman, yang mana kadar kos sebenar mestilah suatu jumlah tetap (*maqtu'*). Walaubagaimanapun, fatwa dan resolusi tersebut berbeza dalam penetapan kos sebenar pada satu jumlah tetap, yang mana ia ditetapkan mengikut kefahaman terhadap upah berdasarkan harga pasaran (*ujrah al-mithl*).

10. CADANGAN PARAMETER/GARIS PANDUAN PELAKSANAAN KIRAAN KOS SEBENAR PADA PRODUK PRODUK KEWANGAN ISLAM

11.1 Cadangan Parameter Kiraan Penentuan Kos Sebenar Bagi Kad Kredit Atau Kad Caj (Charge Card) Yang Berasaskan Qardh

1. Caj yang dikenakan tidak boleh dianggap sebagai sumber keuntungan kepada bank.
2. Kos yang dibayar kepada pihak ketiga seperti yuran guaman, cukai kontrak pembiayaan, adalah di antara kos sebenar yang boleh dikenakan ke atas pelanggan.
3. Caj yang dikenakan sepatutnya sama dengan kos debit kad kerana dari segi sistem bayaran dan pengeluaran tunai samada di mesin-mesin pengeluaran ATM atau di mana-mana pusat pembayaran adalah lebih kurang sama dilakukan dengan khidmat Visa atau Master Card.
4. Bagi perkhidmatan yang dikira hanya memberi manfaat kepada pihak bank sahaja, maka ia tidak termasuk dalam kos sebenar yang boleh dikenakan. Manakala, perkhidmatan yang perlu wujud untuk kemaslahatan pelanggan, seperti kos takaful maka ia termasuk dalam kos sebenar.
5. Bagi perkhidmatan yang memberikan kemaslahatan (kepentingan) dan manfaat yang dikongsi bersama oleh pihak bank dan pelanggan, sekiranya kemaslahatan untuk pelanggan itu lebih besar, maka ia termasuk dalam kos sebenar. Namun sekiranya, ia lebih berpihak kepada pihak bank, maka ia tidak boleh dimasukkan dalam kos tersebut. Adapun sekiranya kemaslahatan antara pihak bank dan pelanggan adalah sama, ataupun tidak dapat ditentukan kemaslahatan pihak mana yang lebih besar, maka kos tersebut perlu dibahagikan sama rata (separuh) di antara kedua-dua pihak seperti penilaian kemampuan kredit untuk kelulusan pembiayaan pelanggan (creditworthiness screening).
6. Berkenaan cara penetapan kos sebenar bagi gaji para pekerja yang melakukan kerja untuk kawalan dan penyeliaan kad kredit berbanding dengan produk-produk lain, ia ditetapkan melalui anggaran nisbah pekerjaan yang dilakukan bagi kad-kad kredit berbanding dengan produk-produk lain.
7. Perkara-perkara berikut juga dikira sebagai kos pekerja di pusat kad kredit seperti; gaji, kos elektrik, air, sewa tempat, kelengkapan perabot sekiranya ianya khusus untuk pusat kad kredit tersebut; adapun bonus, ia tidak termasuk, kerana pihak bank memberikannya kepada pekerja berdasarkan kadar pemasarannya sebagai galakan supaya mereka mengandakan kerja jualan bukannya daripada

hasil kutipan hutang, lebih-lebih lagi kemaslahatan pelanggan juga akan tercapai sekalipun tanpa bonus pekerja tersebut.

8. Khidmat-khidmat yang diberikan kepada semua pemegang kad kredit/ kad caj; sekalipun bukan semua pemegang kad menggunakannya; maka ia juga boleh dimasukkan dalam anggaran pengiraan kos sebenar bagi kad kredit, dan ianya perlu ditanggung oleh semua pelanggan.
9. Bagi keadaan di mana pihak bank membayar sejumlah bayaran kepada penyedia khidmat seperti Visa atau Mastercard dan seumpamanya disebabkan oleh para pelanggan yang menggunakan kad kredit sewaktu pembelian, maka tiada halangan untuk memasukkan bayaran tersebut di dalam kos-kos sebenar bagi kad kredit, dengan syarat ianya disebut dengan jelas di dalam syarat-syarat dan peraturan kad; di antaranya, bahawa ia akan ditanggung oleh para pelanggan melalui penggunaan kad kredit mereka untuk sebarang pembelian.
10. Sebarang notis supaya membayar hutang tertunggak atau tunggakan kadar hutang mestilah berdasarkan kepada kos sebenar kertas dan perbelanjaan pos semasa, bukan sekadar andaian atau dikira sebagai cara perolehan.
11. Pengiraan caj pengeluaran tunai dan yuran-yuran yang berkaitan adalah seperti berikut:
 - a. Anggaran pengiraan kos pengeluaran tunai daripada jumlah kos kad kredit (bukan kos khusus bagi pengeluaran tunai) adalah berdasarkan nisbah operasi pengeluaran tunai bagi setiap operasi kad yang ditambah kepadanya kos-kos khusus bagi pengeluaran tunai, kemudian ia dibahagikan daripada jumlah kos pengeluaran tunai bagi kad kredit ke atas bilangan operasi pengeluaran tunai yang berkaitan dengan kad kredit untuk mengeluarkan kos operasi setiap kali pengeluaran tunai dilakukan

Lain-lain kos bagi kad kredit perlu dikira dengan membahagikan bilangan kad-kad untuk menentukan yuran pengeluaran dan pembaharuan dan seumpamanya.

11.2 Cadangan Garis Panduan kos sebenar Al-Rahn yang berteraskan qardh

Oleh kerana al-Rahn berkait rapat dengan hutang iaitu cagaran ke atas hutang (qardh), maka ia tidak boleh terlepas daripada isu Syariah berkenaan mengambil manfa'at ke atas hutang. Dengan itu, sebarang kos yang dikenakan mestilah juga berdasarkan kepada kos sebenar untuk mengelakkan *shubhat* riba. Justeru, kertas kerja ini mencadangkan supaya parameter kredit kad di atas dipertimbangkan di samping cadangan beberapa parameter seperti berikut :

1. Kos upah penjagaan emas tidak menjadi isu Syariah, sekiranya ia dilakukan oleh pihak ketiga.

2. Sekiranya pihak *murtahin* (pemegang gadai yang memberi hutang), upah penjagaan emas mestilah sama dengan upah biasa yang tidak ada sebarang kaitan dengan hutang sebagaimana yang dikenakan oleh mana-mana institusi yang menawarkan khidmat penjagaan barang-barang kemas (safe custody box). Ini adalah bertujuan untuk mengelakkan daripada pengambilan upah (ujrah) sempena dengan pemberian hutang.

Sebagai alternatif, pihak bank boleh menawarkan pembiayaan melalui “*commodity murabahah*” di mana pihak bank boleh memperolehi keuntungan daripada hasil jualan “*commodity*” dan tidak perlu mengenakan sebarang caj ke atas penjagaan emas/barang kemas yang digadai.

11.3 Cadangan Garispanduan Penetapan Kadar Kos Sebenar Dalam Surat Jaminan

Di samping mengambil kira garis panduan kad kredit di atas, kertas kerja ini mencadangkan garispanduan seperti berikut;

1. Perlu membezakan di antara kos yang dikenakan semasa pengeluaran surat jaminan oleh pihak bank dan sewaktu berlakunya bayaran obligasi daripada bank yang dianggap sebagai hutang. Apabila bank membuat bayaran bagi pihak pelanggan di sebabkan jaminan yang diberikan, maka dalam hal ini, kos sebenar mesti dipertimbangkan kerana ia melibatkan hutang.
2. Perbezaan kebenaran mengenakan caj berdasarkan struktur jaminan. Terdapat sesetengah pihak bank hanya menawarkan jaminan sekiranya pelanggan memang memiliki jumlah wang yang mencukupi di dalam akaun (back to back). Dalam kes ini, caj perkhidmatan boleh dikenakan walaupun bukan pada kos sebenar kerana ia lebih kepada upah ke atas wakalah.
3. Sebarang penetapan harga mestilah dikawal dan diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Syariah bank berkenaan.

Sesetengah pihak bank mengenakan caj ta'widh berdasarkan 1% bagi bayaran lewat, dan kemudiannya berdasarkan kepada IIMM (Islamic Interbank Money Market) selepas tamat tempoh pembiayaan. Ini perlu dikaji supaya menepati konsep kos sebenar.

Penutup

1. Perbankan Islam memperolehi keuntungan daripada akad-akad mua`wadah seperti jual beli, sewaan, dan upah ke atas perkhidmatan bukannya daripada faedah riba ke atas pinjaman dan penangguhan bayaran.
2. Upah yang dikenakan ke atas perkhidmatan yang tidak berkaitan dengan hutang adalah dibenarkan dan boleh dikira sebagai pendapatan bank.

3. Pihak bank tidak boleh mengenakan sebarang caj yang tidak diketahui oleh pelanggan seperti “miscellaneous charge”. Semua caj, fi, yuran, insentif atau komisyen mestilah diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah.
4. Upah yang berkaitan dengan pinjaman dan pengurusan hutang perlu dikira dan diambil pada kadar kos sebenar sahaja dan tidak boleh dianggap sebagai sumber pendapatan bank.
5. Memandangkan kos sebenar sahaja dibenarkan bagi khidmat-khidmat yang berkaitan dengan hutang, penentuan manfaat adalah penting samada manfaat khas kepada pihak pemberi pinjaman, peminjam atau bersama. Kos sebenar perlu dilaksanakan apabila ia memberi manfaat kepada pemberi pinjaman atau apabila ada manfaat bersama tetapi pemberi pinjaman mendapat manfaat yang lebih daripada peminjam.
6. Bagi kes kemungkiran bayaran hutang, adalah dicadangkan supaya dibuat kajian semula bagi penetapan kadar kos sebenar berdasarkan Islamic Interbank Money Market. Ini kerana ia agak lebih cenderung kepada ganti rugi peluang membuat keuntungan, dan mengandungi elemen syubhah riba iaitu pertambahan bayaran disebabkan oleh pertambahan masa dan bukannya kos gantirugi kerugian yang sebenar.
7. Untuk kajian seterusnya dicadangkan supaya semua jenis caj, yuran atau apa apa kos yang dikenakan oleh bank bagi setiap produk diperincikan dan dikaji dengan lebih jelas status keharusannya menurut perspektif Syariah.

Rujukan

- 1- AAOIFI Standard Syariah, 2010. 391028035098
- 2- Abd al-Aziz, Fahmi, *Mausuah al-Mustalahat al-Iqtisodiyah al-Ihsoiyah*, Beirut: Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, 1987.
- 3- Abdul Karim Ismail, *Al-'Umulat Al-Masrafiyyah, Dar Kunuz Ishbiliya, 2009..*
- 4- Al Dusuqi, *Hashiyah Al-Dusuqi*.
- 5- Al-'Aini, *Umdat al-Qari*.
- 6- Al-Umrani, Abdullah, *Al-'Uqud Al-Maliyah Al-Murakkabah, Dar Kunuz Ishbiliyya, 2006.*
- 7- Al-Ajwibah Al-Shar'iyah fi al-Tatbiqat Al-Masrafiyyah
- 8- Idarat Al-Tatwir wal-Buhuth, Dallah Baraka Group, fatwa no. 3.
- 9- Ibn Nujaym, *Al-Ashbah wal-Nazha'ir*.
- 10- Al-Bayhaqi, *Sunan Kubra al-Bayhaqi*.
- 11- Al-Buti, Ramadhan, *Muhadarat fi al fiqh Muqaran*, p2, Damsyik : Dar al Fikr, 1981.

- 12-Al-Darir, al-Siddiq, *“al-ittifaq `ala ilzam al-madin al-Musir bi al- ta`widh darar al-Mumatholah*, Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j3,no.1.
- 13-Ibn Abidin, *Rad al-Muhtar*.
- 14-*Al-Fatawa Al-Shar`iyyah fi Al-Masa'il Al-Iqtisadiyyah*, fatwa no. 23, Kuwait Finance House;
- 15-Al-Ghazali, Ibn Hamid , *al-Wajiz fi fiqh al-Shafie*,Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah.
- 16-Al-Hamawi, *Ramz Uyun al-Basair fi Sharh al-Ashhah wa al-Nazair*, 1985.
- 17-Al-Sharbini, *Al-Iqna*.
- 18-Ibn Abd Bar, *Al-Istizkar*.
- 19-_____Al-Kafi fi Fiqh Ahl al-Madinah. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- 20-Al-Jassas, *Al-Jami' li Ahkam Al-Qur'an*.
- 21-Al-Khafif, Ali Khafif, *al-Dhaman fi al fiqh al-Islami*, Cairo: Dar al Fikr al Arabi, 1997.
- 22-Al-Mani`, Abdullah, artikel diterbitkan” *Matlu al-ghaniyy zulm yahillu irduhu wa uqubatuhu*” Majallah Majma` al-Fiqhi, kali ke 2, no.2.
- 23- Al-Mawardi, *al-Hawi al-Kabir*, 1994.
- 24-Al-Syatibi, *Al-Muwafaqat*.
- 25-Al-Qassar, published article “ *Matlu al-Ghaniy Zulm*”, Majallah al-Syariah wa al-Qanun fi Qahirah, 2001, bil. 24.
- 26-Al-Ramli, *Nihayah Al-Muhtaj*.
- 27-Al-Saidi, Abdullah bin Muhammad, *Al-Riba fil-Mu`amalat Al-Masrafiyah*; 2nd edition, Dar Tayyibah 1421H,
- 28-Al-Salus, Ali al-Salus, artikel diterbitkan “ *Al-Bay` bil taqsit nazarat fi al Tatbiq al-Amali*”, Majallah Majma` al-Fiqh al-Islami, no.6.
- 29-Ibn Qudamah, *Al-Sharh Al-Kabir*.
- 30-Al-Dardir, *Al-Sharh Al-Saghir*.
- 31-Al-Shaukani, *Nailul Authar*, Dar al Fikr Beirut, 2002.
- 32-Al-Suwaidan, Muhammad bin Walid Abd al-Latif, *Taklifah al-Fi'liyyah fi al-Masarif al-Islamiyyah al-asbab wa al-dhawabit*”, Dar al-Nafais, Jordan 2011.
- 33-Al-Umrani, Abdullah ibn Muhammad, *Al-Manfa`ah Fi Al-Qardh*, Dar Ibn Jawzi 1427H.

- 34-Al-Zarkashi, Muhammad ibn Abdullah, *Sharh al-Zarkashi `ala Mukhtasar al-Khirqi*, Riyadh: Dar al-Abikan.
- 35-Al-Zarqa, Mustafa, *al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, Dar al Kutub Beirut 1998, j2.
- 36-Al-Zarqa, Mustafa, artikel diterbitkan “ *Hal yuqbal Syar`an al-Hukm al-Madin al-Mumathol bi at ta`widh ala al dain*” Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j2, no.2.
- 37-Al-Qarafi, *Al-Zhakhirah*.
- 38-Al-Zuhayli, *Wahbah, Al-Muamalat al Maliyyah al Muasirah*, 2002.
- 39-An Islamic Pricing Benchmark”. ISRA Research Paper no.17/2010.
- 40-Nazih Hamad, *Aqd Al-Qardh fi Al-Shari`ah Al-Islamiyyah*, Dar al-Qalam, 1991.
- 41-Al-Kasani, *Bada`ie’ Al-Sona`ie’* .
- 42-Buhuth fil Iqtisod Al-Islami, Bahath Fi Ba’dh Khasa’is wa Ahkamih, no.331
- 43- Dr Tayyar, Dr Abdullah Al-Su`aydi, *Al-Bunuk Al-Islamiyyah*
- 44- Fatawa Al-Khadamat Al-Masrafiyyah, Dallah Baraka Group.
- 45-Fatawa Al-Lajnah Al-Da’imah lil-Buhuth Al-Ilmiyyah wal-Ifta’, no13.
- 46-Fatawa Nadawat Al-Barakah 1403H-1417H, dikumpulkan dan diselaraskan oleh Dr Abd Sattar Abu Ghuddah, Izzuddin Khojah, Dallah Baraka Group.
- 47-Guidelines on Late Payment Charges for Islamic Banking Institutions.
- 48-Hammad, Nazih, penerbitan artikel “*al-Muayyadat al-Syar`iah li haml al madin al mumathol ala alwafa*” Majallah Abhas al-Iqtisod al-Islami, j,no.1.
- 49-Al-Sharwani, *Hashiyah Al-Sharwani*, j5.
- 50-Ibn Taimiah, *Majmu’ Fatawa*, j29&30.
- 51-Imam Shaltut, Muhammad Shaltut, *al-Islam Aqidatul wa Syariah*, Kaherah: Dar al Syuruq, 2001.
- 52- Khalil ‘Awwad Abu Hashish, *Mahasib al-Takalif Qiyas wa Tahlil*, Edisi 1, (2005: Dar al-Wa’il).
- 53- Al-nadawi, Ali Ahmad, *Khitab Al-Dhaman Al-Masrafi*, Riyadh: Al-Rajhi Bank, Riyadh 1420H.
- 54-_____ Jamharah Al-Qawa`id Al-Fiqhiyyah, Riyadh: Al-Rajhi Bank, Riyadh 1420H.
- 55-Majalah Akademi Fiqh Islam Antarabangsa

- 56- Majallah Majma' Al-Fiqh Al-Islami Al-Dawli, bil. 3, j. 1/305.
- 57- Majlis Penasihat Shariah al-Rajhi Bank, 2010, 2:1027, qasar no 669.
- 58- Majlis Penasihat Shariah Dubai Islamic Bank, fatwa no (343), 2: 836.
- 59- Majlis Penasihat Syariah, Islamic Bank of Jordan, Fatwa no (45).
- 60- Majmu' Fatawa wa Rasa'il Al-Sheikh Muhammad bin Ibrahim, 7/210.
- 61- Mausuah al-Kuwaitiyyah, Al-Mausuah Fiqhiyyah, 1998.
- 62- Muhammad al-Tabtabaie, paper on topic of "*Mabda' al-Ta'widh wa al-gharamah al-maliyyah fi muwajjahah mumatholah al-duyun fi al-mali al-islami*" Nadwah al-alamiyah li ulama' al-syariah, 2006.
- 63- Muhammad Zaki, "*Matlu al-madin hal yulzim bi al ta'widh*", Majallah abhas al-iqtisad al-Islami, 1990, j2, bil 1.
- 64- Mutawi' al-Said, "*al Tatawur al-Tarikhi Li nuzumi Muhasabah Takalif*", 2009, Jamiah al-Azhar, Kuliyyah al-Tijarah, Qasm Muhasabah.
- 65- Sahih al-Bukhari, Kitab al-Istiqradh, Bab Matlu al-Ghaniyy Zulm, no (2400).
- 66- Sahih Muslim, kitab al-Musaqat, hadith no 1601.
- 67- Al-Kharshi Muhammad bin Abdullah, Sharh al-Kharshi ala Mukhtasar Khalil.
- 68- Sharh Al-Nawawi `Ala Sahih Muslim.
- 69- Al-Zarqa, Sheikh Ahmad Muhammad, Sharh Al-Qawa'id Al-Fiqhiyyah, Dar al-Qalam, 1414H.
- 70- Zaki Sha`ban, Published article "*Ta'liq ala bahs hal yuqbal syar'an al hukm ala al-madin al-mumathal bi at ta'widh ala al-dain*", Majallah Abhas al-iqtisad al-Islami, j2, bil 2.
- 71- Soanes, C., Oxford English Dictionary, (2003: Oxford University Press)
- 72- Al-Suwidan, Muhammad ibn Walid ibn 'Abd al-Latif al-Suwidan, *al-Taklifah al-Fi'liyah fi Masarif al-Islamiyah*, Edisi 1, (2011/1412H: Dar al-Nafa'is, Jordan).
- 73- Syibir, Usman, artikel "*al-Siyannah al-Madyunat wa Mua'lijatuha min al-Ta'asur fi al-Fiqh al-Islami*" Majallah al-Syariah wa al Qanun, Jami'ah al-Imarat, 1998, no.10.
- 74- Tafsir Al-Shawkani.
- 75- Tafsir Ibnu Kathir.

76-Uthmani, Taqi, *Buhuth fi Qadhaya Fiqhiyyah Muasirah*, Damsyik : Dar al-Qalam, 2003.